


Jilid III
Bil. 14



Hari Isnin
13hb Disember 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad

Y.B. Puan Kelsom binti Yaacub

Y.B. Dr. Ng Yen Yen

Y.B. Tuan Jangu Anak Banyang

[Ruangan 2071]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan—

Y.B. Dato' Haji Annuar bin Musa

Y.B. Dato' Adam bin Kadir

[Ruangan 2071]

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

[Ruangan 2072]

Memperkenankan Akta-akta

[Ruangan 2072]

Perutusan daripada Dewan Rakyat

[Ruangan 2073]

URUSAN MESYUARAT

[Ruangan 2074]

KANDUNGAN—(Samb.)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 2075]

**RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan 1993 (No. 2) 1993**

[Ruangan 2115]

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P. (Dilantik).

" Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).

" Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).

" TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).

" TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).

" TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

" DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).

" DATUK HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M. (Dilantik).

" TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., j.B.s. (Dilantik).

" PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

" DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

" TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).

" TUAN FRANKIE CHONG Yu CHEE, A.D.K. (Sabah).

" TUAN FU AH KIW (Dilantik).

" TUAN DING SELING (Dilantik).

" TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

" TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

" PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik - Wilayah Persekutuan).

- Yang Berhormat WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- " TUAN Ho CHENG WANG (Perak).
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- " TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak).
- " TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- " PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- " PUAN KELSOM BINTI YAACUB (Pahang).
- " PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- " TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- " DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- " DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- " TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- " TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- " TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- " DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " DR. NGYENYEN (Pahang).
- " PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- " PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor)
- " TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- " TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- " TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- " PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH SELEMAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- " TUAN V.K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik).
- " TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- " TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- " DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik)

”

TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).

”

DR. ~~DI~~ KIN WOON (Pulau Pinang).

”

DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAYA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

”

DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).

”

DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

”

TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

”

DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

”

PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong, Setiausaha : Haji Tajadin bin Saberan.
Penolong Setiausaha Kanan : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.
Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd Yusop.
Pelapor Perbahasan Kanan : Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 13hb Disember 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Y.B. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.
2. Y.B. Puan Kelsom binti Yaacob.
3. Y.B. Dr. Ng Yen Yen; dan
4. Y.B. Tuan Janggu anak Banyang.

**PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA MENGANGKAT
SUMPAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Y.B. Dato' Haji Annuar bin Musa pada 27.10.93; dan
2. Y.B. Dato' Adam bin Kadir pada 9.12.93.

**MENGALU-ALUKAN
AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dilantik semula, dipilih dan dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya; dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3)1993;
2. Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993;
3. Akta Perkhidmatan Pem-betungan 1993;

4. Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993;
5. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993;
6. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993;
7. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993;
8. Akta Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kesihatan Awam) 1993;
9. Akta Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993;
10. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993;
11. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993;
12. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1993;
13. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1993;
14. Akta Paten (Pindaan) 1993; dan
15. Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

"27hb Oktober 1993.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan

meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 1993;
2. Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993;
1. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993; dan
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) (No.2) 1993.

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT."**

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini, iaitu:

1. Rang Undang-undang Dagangan (Pindaan) 1993;
2. Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993;
3. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993; dan
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) (No.2) 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELABURAN INDUSTRI BERAT
BERTEKNOLOGI TINGGI —
STRATEGI**

1. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan dan strategi negara bagi menghadapi persaingan negara-negara di Asia Timur seperti Taiwan, Hong Kong, Indonesia, Thailand dan Singapura dalam menarik banyak pelaburan asing, terutama yang melibatkan pelaburan industri berat dan berteknologi tinggi seperti telekomunikasi, perhubungan dan pengangkutan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan negara ini sebagai sebuah negara yang terkenal setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang teknologi maklumat dan pusat ilmu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap perkembangan di dalam iklim pelaburan negara. Walaupun terdapat persaingan yang semakin meningkat dalam menarik pelaburan asing oleh negara-negara di rantau Asia Timur, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan kesan terhadap pelaburan asing ke negara ini akibat daripada persaingan tersebut. Pertama, dari segi perancangan memang telah sedia wujud dasar-dasar tertentu yang menggalakkan pelaburan bagi meningkatkan pertumbuhan perindustrian. Dasar Perindustrian

Negara kini menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat perkilangan dalam industri-industri terpilih, termasuk industri berat dan berteknologi tinggi. Ini dilakukan kerana negara ini telah menikmati daya saingan dari segi kos buruh yang rendah seperti yang dialami dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an, Selaras dengan perkembangan tersebut, pembangunan perindustrian negara ditumpukan kepada industri-industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berintensif modal, berteknologi canggih dan mempunyai rantaian industri yang luas. Dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Perindustrian tersebut, Kerajaan memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperbaiki iklim pelaburan. Dari segi pakej insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, menggalakkan pembangunan industri-industri terpilih termasuk industri berat dan berteknologi tinggi.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Belanjawan 1994 memberi penekanan kepada pembangunan industri berteknologi tinggi dan aktiviti berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan.

Komitmen Kerajaan terhadap pembangunan industri berat dan berteknologi tinggi dimanifestasikan melalui projek-projek raksasa, seperti projek-projek pengeluaran besi waja Perwaja, kereta nasional Proton dan projek kereta M2 di samping penerokaan industri pengangkutan udara atau aerospace industry, dengan izin.

Walaupun terdapat persaingan hebat bagi mendapat pelaburan asing di kalangan negara-negara di rantau ini, Kerajaan berkeyakinan bahawa tarikan negara ini sebagai destinasi pelaburari yang menarik masih dapat dikekalkan menerusi usaha promosi dan misi

pelaburan yang ditumpukan kepada peiabur-pelabur yang berpotensi yang telah dikenal pasti dan menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang telah beroperasi di negara ini.

Mengeriai bidang teknologi maklumat dan pusat ilmu, Kerajaan memang berhasrat untuk membahagikan negara ini dalam bidang-bidang berkenaan. Selaras dengan hasrat ini, tumpuan diberi terhadap pembangunan sumber manusia terutamanya mewujudkan golongan cendekiawan dan tenaga terlatih serta menggalakkan perkembangan budaya keilmuan. Galakan juga diberi terhadap penubuhan syarikat-syarikat yang menyediakan, khidmat kepakaran dalam teknologi maklumat.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan juga bercadang mengagihkan teknologi ataupun pelaburan industri berat dan teknologi itu di merata tempat bukan sahaja di Semenanjung iaitu di Lembah Kelang atau Klang Valley, tetapi juga di tempat-tempat lain seperti di Sarawak dan Sabah.

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal pada masa kini memang hasrat Kerajaan ialah untuk membawa bukan sahaja kilang-kilang berteknologi tinggi, tetapi juga bermodal tinggi kepada Semenanjung. Tetapi apabila infrastruktur dan semua kemudahan-kemudahan asas di dalam negeri Sarawak dan Sabah akan disediakan, saya rasa kita akan memindah tumpuan kita kepada negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingih mendapat sedikit penjelasan daripada yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah perkara yang

dijadikan asas saingan di antara sebuah negara di Asia Tenggara dan khususnya sama negara-negara ASEAN.

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan di atas satu kilang ataupun satu industri tertumpu kepada kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada di dalam satu-satu negeri, khususnya seperti kepakaran pekerja, telekomunikasi, 'pelabuhan, kenderaan dan sebagainya. Apabila semua kemudahan asas seperti ini telah disediakan di dalam satu kawasan, saya rasa kawasan itu bersedia untuk menerima pelaburan, kilang-kilang dan juga lain-lain pelaburan yang boleh membawa lebih peluang kepada penduduk-penduduk di kawasan itu. Inilah satu perkara yang harus kita kaji sebelum kita dijadikan asas saingan antara satu negeri ke satu negeri yang lain.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada faktor penting yang akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik untuk industri berat dan berteknologi tinggi ialah adanya ramai jurutera-jurutera dan juga para saintis yang terlibat dalam kerja penyelidikan dan pembangunan. Tetapi buat masa ini, Malaysia menghadapi kekurangan kedua-dua tenaga kerja yang berkemahiran tinggi ini.

Saya ingin tahu, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu polisi yang lebih terbuka untuk menarik para saintis dari luar ataupun menarik balik rakyat Malaysia yang kini tinggal di negara-negara lain, balik ke negara ini untuk mencebur dalam R&D.

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara untuk menarik balik jurutera-jurutera dan para saintis daripada luar negeri dan juga untuk mewujudkan jurutera

jurutera baru dan para saintis ialah dalam bidang kuasa lain-lain Kementerian. Tetapi saya boleh katakan di sini, di atas usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian kita, Kementerian-kementerian berkenaan sedang berusaha untuk menarik balik ramai saintis-saintis dan juga jurutera-jurutera daripada luar negeri dan seterusnya juga untuk mewujudkan lebih para saintis di dalam negara ini.

HUTAN—CARA MENGATASI PEMUSNAHAN DAN PENEBAANGAN HUTAN

2. Puan Hajah Selemiah binti Hashim: minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi tentang pemusnahan atau penebangan hutan untuk pembangunan dan untuk perkara-perkara yang membazir seperti penebangan hutan untuk padang golf, tetapi pada masa yang sama perlu ada usaha-usaha untuk memulihkan kembali ekologi hutan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya kawasan-kawasan hutan di negara kita ini terbahagi kepada 3 kategori. Pertama, kawasan hutan yang diurus secara berkekalan untuk maksud perlindungan alam sekitar, kawasan tadahan air, kepelbagaian biologi, penghasilan sumber hutan, rekreasi serta penyelidikan atau dikenali sebagai hutan simpan kekal atau, dengan izin, permanent forest estate.

Yang kedua, kawasan-kawasan hutan dilindungi khususnya untuk memelihara pelbagai hidupan semula jadi di dalamnya, di kawasan Taman Negara, suatu hidupan liar dan sebagainya.

Yang ketiga ialah kawasan-kawasan hutan yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan pembangunan, state land atau conversion forest, dengan izin.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, hanya melibatkan kawasan-kawasan hutan kategori ketiga di atas, yang sememangnya diperuntukkan untuk tujuan pembangunan seperti pertanian, perindustrian dan projek-projek rekreasi termasuk pembinaan padang golf. Di samping itu, pembukaan kawasan-kawasan hutan ini adalah dibuat mengikut perancangan yang rapi dan sistematik bagi mengelak atau mengurangkan kesan ke atas alam sekitar. Tambahan pula, Kerajaan mensyaratkan supaya penilaian kesan ke atas alam sekeliling atau environmental impact assessment, dengan izin, dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu kawasan hutan melebihi 50 hektar dibuka untuk tujuan ini. Oleh itu, soal untuk memulihkan kembali ekologi hutan tersebut telah pun diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk David Yeoh Eng Hock.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

AIDS/HIV—MEWAJIBKAN UJIAN DARAH

3. Tuan K. Munisamy (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal pertambahan bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV berikutan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah dibentangkan di Persidangan Jawatankuasa Kesihatan Wilayah

Pasifik Barat di Manila baru-baru ini yang mana keadaannya adalah membimbangkan, serta nyatakan juga:

- (a) bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV yang telah dikenalpasti di seluruh negara dan beri pecahan mengikut negeri masing-masing;
- (b) peratus pertambahan bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV di seluruh Malaysia berbanding dengan tahun-tahun lepas; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang yang mewajibkan semua rakyat Malaysia menjalani ujian mengesan AIDS supaya angka sebenar pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV dapat diketahui dan langkah-langkah pencegahan dapat dijalankan dengan berkesan.

Mcnteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal pertambahan bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV ialah:

- (i) memberi pendidikan kesihatan termasuk kepada murid-murid sekolah;
- (ii) menggalakkan pendidikan agama, moral dan nilai-nilai baik;
- (iii) memastikan penggunaan darah dan bahan-bahan darah bebas dari kuman HIV;
- (iv) mempertingkatkan lagi program pencegahan dan kawalan penyakit kelamin;
- (v) menggalakkan program pencegahan di kalangan penagih dadah;

- (vi) memberi latihan dan kemahiran di dalam pengendalian pembawa HIV dan kes AIDS;
 - (vii) mempertingkatkan sistem pengawasan; dan
 - (viii) mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan sama ada di dalam mahu pun di luar negeri.
- (a) Sehingga 31hb Oktober 1993, 95 pesakit AIDS dan 7,002 pembawa kuman HIV telah dikenalpasti di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri masing-masing adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kes AIDS</i>	<i>Pembawa Kuman HIV</i>
Perlis	3	69
Kedah	3	442
Pulau Pinang	7	176
Perak	11	414
Selangor	15	788
Wilayah Persekutuan	47	970
Negeri Sembilan	0	551
Melaka	1	131
Johor	5	1,548
Pahang	2	615
Terengganu	0	702
Kelantan	1	507
Sabah	0	7
Sarawak	0	52

- (b) Peratus tambahan bilangan pesakit AIDS serta pembawa kuman HIV di seluruh negara berbanding dengan tahun-tahun lepas adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peratus (%)</i>
1987	25
1988	360
1989	695
1990	261
1991	155
1992	43

(c) Kerajaan Malaysia buat masa ini tidak bercadang untuk menggubal undang-undang supaya mewajibkan semua rakyat Malaysia untuk menjalani ujian penyaringan HIV untuk mengesan AIDS kerana beberapa sebab yang tertentu termasuk ujian yang dijalankan juga tidak dapat mengesan jangkitan pada peringkat awal (window period). Oleh itu, ujian-ujian ini juga mesti diulangi mungkin setiap 6 bulan sekali kerana masalah jangkitan semula.

Yang kedua, ia mungkin memberi perasaan selamat yang salah, false sense of security, dengan izin, kepada masyarakat umum.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan bahawa setakat 30.10.93 ada 95 orang pesakit AIDS dan 7,200 pembawa kuman HIV. Bagaimana pihak Kementerian mengesan mereka ini? Adakah mereka datang mendaftar diri ataupun ada cara lain yang pihak Kementerian gunakan untuk mendapatkan makluraat ini?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, pembawa HIV atau pesakit AIDS ini dikesan melalui beberapa saluran:

- (i) melalui laporan pesakit sendiri; dan
- (ii) melalui ujian darah di tempat-tempat saringan tertentu iaitu Pusat Pemulihan Dadah dan Pusat-pusat Rehabilitation Centre dan beberapa kumpulan yang di'target'kan.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang hendak membuat pemeriksaan bagi pengantin-pengantin yang akan melangsungkan perkahwinan, kalau-kalau mereka itu ada membawa kuman HIV.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan saringan ini dan kalau sepasang pengantin itu hendak mengadakan ujian darah, ianya boleh diberi kemudahan.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui golongan manakah yang menjadi pembawa ataupun yang dijangkiti oleh kuman AIDS ini? Adakah ia daripada belia-belia, lingkungan umur 40 tahun ke atas ataupun orang-orang tua-tua yang menjadi pembawa kuman AIDS atau yang dijangkiti oleh kuman AIDS ini?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, pembawanya tidak terhad kepada sesuatu golongan masyarakat atau population, tetapi kebanyakan peratusan yang paling tinggi iaitu pembawa yang berumur di antara 20 tahun hingga 40 tahun - lebih kurang 8%, dan 85% terdiri daripada penagih dadah. Ini adalah majoriti daripada kedua-dua kumpulan ini. Tetapi jangkitan ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja kalau terlibat dengan cara jangkitan yang tertentu.

MALAYSIA SEBAGAI "SYURGA PELABURAN"

4. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab ekonomi dan kewangan yang menjadikan Malaysia sebagai 'syurga pelaburan' di kalangan pelabur-pelabur antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaburan asing memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kemasukan pelaburan ke Malaysia bukanlah sesuatu yang berlaku dengan sendiri tetapi sebaliknya ia berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Untuk menarik lebih banyak pelaburan asing, antara langkah-langkahnya termasuk rombongan galakan pelaburan ke luar negeri dan galakan-galakan yang diperkenalkan melalui cadangan Belanjawan negara.

Cadangan pelaburan modal asing yang diluluskan oleh MIDA meningkat dengan ketara sekali, iaitu dari RM2,000 juta pada tahun 1987 kepada RM17.6 ribu juta pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, kemasukan pelaburan asing telah menjadi perlahan sejak awal tahun ini berikutan prestasi ekonomi yang lembap di negara-negara pengeksploitasi modal dan persaingan yang meningkat antara negara-negara yang sedang membangun untuk pelaburan asing, sepertimana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik antaranya disebabkan faktor-faktor berikut:

- (i) kestabilan politik negara;
- (ii) dasar Kerajaan yang konsisten dan pragmatik;
- (iii) dasar menggalakkan peranan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi;

- (iv) sistem kewangan yang teratur yang telah menyebabkan kestabilan mata wang negara;
- (v) Kadar inflasi yang rendah dan terkawal;
- (vi) insentif fiskal yang menarik;
- (vii) kemudahan infrastruktur yang baik;
- (viii) tenaga kerja yang mahir dan mudah dilatih.

PERAJURIT-PERAJURIT YANG BERSARA—KEBAJIKAN

5. Puan Hajah Rahmah binti Haji Salleh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian ini mengambil kira kemudahan-kemudahan bagi perajurit-perajurit yang telah bersara seperti kemudahan dari segi permohonan-permohonan tanah juga kemudahan-kemudahan lain bagi mereka meneruskan kehidupan keluarganya, setelah berbakti kepada negara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin W; m Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pihak Keraenterian Pertahanan sememangnya mengambil perhatian yang serius di atas kebajikan bekas-bekas perajurit. Menerusi Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk membantu bekas-bekas perajurit di dalam meneruskan penghidupan mereka setelah menamatkan perkhidmatan seperti mendapatkan pekerjaan permit/lesen dan ruangniaga. Kementerian juga sentiasa memberi surat sokongan kepada bekas-bekas perajurit yang ingin mendapatkan pelbagai kemudahan.

Di samping itu, Persatuan bekas Perajurit Malaysia juga telah memainkan peranan yang aktif dalam hal ini, Walau bagaimanapun, pemberian kemudahan, kelonggaran syarat-syarat permohonan dan keputusan adalah terletak kepada agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Tidak ada sebarang kuota yang telah diperuntukkan khusus untuk bekas-bekas perajurit.

Didapati bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi serta Jabatan-jabatan Kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu bekas-bekas perajurit. Terdapat juga beberapa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah memberi keutamaan dan meluluskan permohonan dari bekas-bekas perajurit.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, sama ada satu dasar khusus dicadangkan untuk digubal bagi membantu bekas-bekas perajurit daripada mengharap surat-surat sokongan yang tidak mempunyai kuasa eksekutif ataupun makna kepada bekas-bekas pejuang negara ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab dengan khusus soalan ini, bila saya akan menjawab soalan No. 14 daripada Yang Berhormat Presiden Persatuan Bekas Perajurit.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah koperasi yang dianggotai oleh bekas-bekas perajurit juga mendapat bantuan dan kemudahan seperti yang disebutkan tadi?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

memang benar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut. Ini terpulang kepada ahli-ahli ataupun perajurit itu sendiri, jika sekiranya mereka memerlukan bantuan, tidak kira sama ada syarikat sendiri ataupun koperasi.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya inginkan penjelasan. Adakah pihak Kerajaan berasa puas hati dengan bantuan-bantuan ataupun cara pelaksanaan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kepada jasa-jasa perajurit di tanah air kita?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak juga melakukan usaha-usaha untuk membantu bekas-bekas perajurit ini dalam mereka menyediakan diri untuk hidup dalam penghidupan awam. Walau bagaimanapun, kita rasa banyak lagi usaha-usaha yang boleh kita tambah untuk membantu mereka. Jadi oleh sebab itu, Kerajaan akan mencadangkan satu cara yang mana bekas-bekas perajurit ini akan dapat dibantu dengan lebih baik, iaitu usaha-usaha yang menyeluruh, Yang ini, saya akan jawab bila saya menjawab soalan No. 14 nanti yang akan diterangkan dengan terperinci.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah Kerajaan juga mengambil kira dari segi pemberian bantuan kalau sekiranya keluarga perajurit-perajurit ini mengalami sakit seperti sakit-sakit yang berat umpamanya pembedahan jantungan dan lain-lain. Apakah Kerajaan menyalurkan pembayaran ataupun peruntukan untuk keluarga perajurit ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya memang tidak ada. Tetapi melalui Persatuan Bekas Perajurit biasanya kalau rayuan seperti ini dikemukakan, Persatuan Bekas Perajurit akan membantu. Pihak Kerajaan juga akan membantu secara tidak langsung kepada keluarga-keluarga mereka. Tetapi bagi balu dan juga anak bekas perajurit ini, persatuan atau Kerajaan ada memberi bantuan.

JALAN RAYA DAN JAMBATAN—KESELAMATAN BAGI LALU LINTAS

6. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa kerapkah Kementerian beliau bersama-sama dengan Lembaga Lebuhraya dan PLUS membuat rondaan dalam sehari bagi menentukan yang semua jalan raya dan rangkaian jambatan-jambatan di negara ini adalah di dalam keadaan baik dan selamat untuk kegunaan lalulintas supaya peristiwa keruntuhan Jalan Kuala Lipis—Gua Musang tidak berlaku lagi. Adakah Kementerian pada masa ini sedang memeriksa semua jalan raya dan jambatan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan iaitu PLUS Bhd. sentiasa membuat rondaan di Lebuhraya berkenaan tiap-tiap hari. Rondaan dibuat 24 jam sehari dengan menggunakan 3 pasukan bagi setiap bahagian Lebuhraya. Setiap pusingan rondaan dibuat bagi setiap bahagian Lebuhraya itu dalam masa 2 jam.

Bagi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, rondaan dibuat 24 jam oleh

kakitangan penyenggaraan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan kontraktor penyenggaraan lebuhraya tersebut dan sekurang-kurangnya satu pusingan di waktu siang dan satu pusingan di waktu malam. Bagi Jambatan Pulau Pinang pula, rondaan dibuat setiap 2 jam sepanjang hari sementara laporan mengenai keadaan struktur jambatan dibuat sekurang-kurangnya satu tahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan-jalan raya Persekutuan yang di bawah pengawasan JKR, jalan-jalan raya itu dibina mengikut piawaian-piawaian kejuruteraan untuk memastikan jalan raya selamat digunakan. Rondaan dan pemeriksaan berkala ke atas semua jalan memang telah dan akan terus dijalankan untuk menentukan jalan raya, cerun, tebing dan jambatan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna jalan raya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah dimaklumkan bahawa ada laporan-laporan yang telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Saya ingin tahu, segala laporan ini kepada siapakah yang ditunjukkan?

Soalan selanjutnya, saya ingin tahu apakah sebab-musababnya berlaku keruntuhan Jalan Kuala Lipis—Gua Musang? Kita difahamkan ada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian yang tersebut. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi apa-apa bentuk pampasan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian keruntuhan jalan tersebut?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti apakah laporan-laporan yang disebut atau dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi kalau ada laporan-laporan

berkenaan dengan keruntuhan di Jalan Kuala Lipis—Gua Musang, laporan ini adalah kepada JKR dan Kementerian Kerja Raya.

Berikutan daripada laporan itu, Kementerian Kerja Raya dengan sertamerta telah menghantar pakar-pakar ke tempat kejadian untuk memastikan sebab-musabab yang menyebabkan keruntuhan tanah di Jalan Kuala Lipis—Gua Musang. Kementerian mendapati jalan ini telah dibuat berpuluh-puluh tahun yang lalu mengikut piawaian-piawaian pada masa itu. Sebenarnya, kita ada menghantar pasukan rondaan untuk membuat pemeriksaan di tempat itu hampir tiap-tiap minggu. Pada minggu sebelum keruntuhan itu berlaku, kakitangan JKR ada melalui jalan itu tetapi tidak mengesan apa-apa keretakan dan sebagainya berlaku di sana. Sebab yang sebenarnya adalah berpunca dari air di bawah tanah yang terlalu banyak dan tidak dapat dikesan dengan pemeriksaan mata.

Dato' Ng Thian Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana sentiasa memeriksa jalan raya. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian juga memeriksa dengan telitinya kadar tol yang baru-baru ini dikenakan di Lebuhraya antara Kelang dan Petaling Jaya? Saya dapat tahu bahawa ramai penduduk di Shah Alam dan Kelang mengadu kepada saya bahawa kadar tol yang ditetapkan oleh PLUS ini terlalu tinggi. Soalan saya, bolehkah Kementerian menurunkan kadar-kadar tol di tempat-tempat yang baru dibina itu?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya inginkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan tadi bahawa rondaan dibuat setiap waktu, baik siang ataupun malam. Tetapi adakah pihak Menteri sedar bahawa dalam surat khabar hari ini mengatakan pihak Kesatuan Jurutera Malaysia memperkatakan satu runtuhannya ataupun hakisan yang lebih buruk akan berlaku sekiranya keretakan-keretakan di jalan raya ini tidak dibaiki dengan segera?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mendapati banyak keretakan-keretakan di merata-rata tempat khususnya di jalan-jalan yang melalui bukit-bukau atau gunung-ganang, seperti di Sarawak, di Sabah—di kawasan Tamparuli, Ranau; Cameron Highlands, East-West Highway dan kawasan yang melalui Kuala Lipis—Gua Musang. Jalan-jalan yang melalui gunung-gunung dan bukit-bukit itu selalunya ada berlaku hakisan. Jadi, kita kena hantar kakitangan untuk memeriksa. Selepas diperiksa, Kerajaan akan meletakkan satu tanda (notice) untuk memberitahu kepada pengguna jalan raya bahawa jalan itu adalah jalan yang merbahaya.

Untuk memperbaiki jalan itu kita haruslah mengkaji berapa teruknya keadaan keretakan di atas jalan itu. Kalau kerosakan jalan itu melibatkan banyak perbelanjaan, maka jalan itu akan direkabentuk semula untuk dibaikpulih. Kalau kerosakan tidak besar kita buat sertamerta seperti keadaannya di satu jambatan di Temoh, Perak sana, kita baikpulih dalam masa 3 atau 4 jam dan kemudian kita buka jalan itu semula kepada pengguna jalan raya.

**PELABUHAN KELANG—
PELANGGARAN KAPAL-KAPAL**

7. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah pelanggaran kapal-kapal yang berlaku di Pelabuhan Kelang sejak 2 tahun kebelakangan ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengurangkan pelanggaran yang semakin kerap berlaku di Pelabuhan Kelang yang boleh menjejaskan nama baik Pelabuhan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun kebelakangan ini telah berlaku empat kejadian besar pelanggaran kapal-kapal di Pelabuhan Kelang. Mengenai kejadian Pelanggaran kapal-kapal tersebut, tiga kejadian berlaku dalam tahun 1992 dan satu kejadian dalam tahun 1993. Langkah-langkah bagi mengurangkan pelanggaran adalah seperti berikut:

- (i) semua kapal yang keluar dan masuk ke pelabuhan diwajibkan mengambil perkhidmatan pemaliman (pilot);
- (ii) tiap-tiap malim mestilah malim yang bertauliah dan mempunyai sijil kecekapan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemaliman Pelabuhan Kelang di peringkat-peringkat tertentu;
- (iii) mengisytiharkan kawasan perairan Pelabuhan Kelang sebagai kawasan yang selamat untuk navigasi;
- (iv) menetapkan kapal-kapal yang keluar dan masuk;
- (v) kedudukan air pasang dan surut dibukukan dalam buku "Almanac" dan diedarkan ke seluruh dunia;

- (vi) "Notices to mariners", dengan izin, juga diedarkan ke seluruh dunia setiap minggu;
- (vii) pihak Syahbandar akan menjalankan pemeriksaan "port state control". dengan izin, untuk menjaga kualiti semasa tiap-tiap kapal tentang 'sea worthiness'nya;
- (viii) mengeluarkan peraturan-peraturan tertentu ke atas bahan-bahan bahaya dari kapal ke darat dan dari darat ke kapal.
- (ix) mengasingkan kawasan bagi labuhan kapal yang bahaya daripada yang tidak membawa bahan-bahan yang bahaya;
- (x) pada masa hadapan, memperkenalkan instalasi sistem VTMS di seluruh kawasan pelabuhan dan dicantumkan sekali dengan 'Sea Surveillance System' di seluruh negara.

Oleh itu, dengan adanya langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, nama baik Pelabuhan Kelang akan dapat dipertingkatkan.

**BONUS KEPADA KAKITANGAN
PERKHIDMATAN AWAM
BAYARAN**

8. Tuan Saad bin Haji Man minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pembayaran bonus bulanan gaji atau RM400 sebulan bagi kakitangan yang berpendapatan rendah diluluskan kerana berkhidmat dari Perkhidmatan Awam telah mencapai matlamat SSB, atau adakah bayaran bonus ini yang berjumlah RM600 juta bertujuan meningkatkan lagi prestasi Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, imbuhan tahunan dibayar berasaskan kemampuan Kerajaan dan satu penghargaan kepada pegawai sektor awam. Tujuan bayaran ini adalah sebagai imbuhan kepada prestasi perkhidmatan awam yang memuaskan dan sebagai motivasi bagi menggalakkan peningkatan sumbangan dan produktiviti pegawai awam secara berterusan.

Berasaskan perkara di atas, Kerajaan telah memutuskan supaya imbuhan, tahunan sebanyak setengah bulan gaji tetapi tidak kurang daripada RM400 dibayar kepada pegawai Kerajaan pada tahun 1993 ini. Imbuhan ini dibayar terus kepada pegawai yang memilih Sistem Saraan Baru (SSB) dan juga memilih kekal atas syarat-syarat jawatankuasa Kabinet 1976.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah mungkin berlaku diskriminasi di dalam membuat penilaian untuk kenaikan pangkat dan gaji di dalam skim SSB ini? Jika ada, saya ingin bertanya, apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi perkara ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa dalam menilai prestasi kakitangan Kerajaan, pihak Ketua Setiausaha Negara telah pun mengeluarkan banyak sekali panduan-panduan yang harus diikuti oleh Pegawai Penilai, Jika sekiranya Pegawai Penilai itu tidak berpuas hati, maka beliau boleh merujuk lagi kepada satu jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menilai semula pegawai yang dinilai itu. Jadi, saya yakin bahawa tidak ada soal salah pilih ataupun soal penyelewengan kuasa dalam soal hendak memilih bagi menaikkan

pangkat ataupun menilai gaji bagi seseorang pegawai awam yang akan dijalankan oleh Kerajaan.

PERANG DUNIA KEDUA— KEKEJAMAN TENTERA JEPUN

9. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) sudahkah Kerajaan Malaysia menerima dengan rasmi permohonan 'MINTA MAAF' dari Kerajaan baru Jepun di bawah pimpinan Perdana Menteri Mr. Morihiro Hosokawa di atas tindakan kekejaman tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua; dan

(b) adakah Kerajaan dengan bantuan dari badan-badan pertubuhan lain mempunyai perangkaan jumlah mangsa perang dan jika ada sejauh manakah usaha-usaha yang sudah diambil bagi membolehkan mangsa-mangsa perang yang masih hidup mendapat ganjaran atau pampasan dari Kerajaan Jepun.

27.72.93

15. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan memaksa Kerajaan Jepun supaya membayar pampasan kepada Kerajaan Malaysia di atas kesalahan-kesalahannya kerana memaksa kaum wanita Malaysia menjadi pelacur kepada askar-askar Jepun walaupun Kerajaan Jepun telah pun meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong yang dijadualkan pada 27.12.1993.

Ingin dimaklumkan bahawa Perdana Menteri Jepun, Encik Morihiro Hosokawa, di dalam ucapan dasar pertama beliau di Parlimen Jepun pada 23 Ogos 1993 telah memohon maaf dan melahirkan rasa kesalnya di atas tindakan kekejaman tentera Jepun, khususnya berhubung dengan penderitaan yang dialami oleh mangsa-mangsa yang dipaksa menjadi wanita penghibur sewaktu Perang Dunia Kedua tersebut. Kerajaan Malaysia menyambut baik ucapan dasar tersebut sebagai ikhlas.

Berhubung dengan soal pampasan bagi mangsa-mangsa Perang Dunia Kedua daripada Kerajaan Jepun, ianya telah pun diselesaikan di antara pihak kita dengan Kerajaan Jepun melalui dua perjanjian iaitu, dengan izin, 'Treaty of Peace' yang ditandatangani di San Francisco, Amerika Syarikat pada 8hb September 1951 dan Perjanjian Duahala yang ditandatangani pada 21hb September 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mengambil pendirian bahawa soal pampasan oleh individu-individu warganegara Malaysia termasuk wanita penghibur adalah isu moral dan dengan yang demikian, Kerajaan Malaysia amat bersimpati dengan mereka yang berkenaan dan bersedia memberi bantuan sewajarnya dalam tuntutan mereka sekiranya terdapat bukti-bukti yang jelas dan saheh. Bagaimanapun,

buat masa kini, Kerajaan tidak mempunyai perangkaan rasmi mengenai jumlah wanita penghibur tersebut.

WANITA MENGANDUNG DI LUAR NIKAH—'HOTLINE' KHAS UNTUK MENGHADAPI MASALAH

10. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan satu 'hotline' kaunseling khusus untuk mereka yang menghadapi masalah mengandung di luar nikah agar mereka tidak menggugur dan membuang bayi yang dilahirkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan hotline khusus bagi menghadapi masalah wanita yang mengandung di luar nikah agar tidak membuang bayi yang dilahirkan. Mereka yang memerlukan pertolongan boleh menggunakan hotline Teledera Kementerian atau berhubung terus dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran pada bila-bila masa.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Kementerian ini dari segi denda yang dikenakan kepada pasangan yang melakukan kes jenayah berat ini jika sekiranya dapat dikesan dengan tepat?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada kes jenayah dan tidak ada denda yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

**KELAB MALAM/KARAOKE—
PENGHARAMAN KEPADA
MURID SEKOLAH**

11. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan akan mengharamkan semua sekali penuntut-penuntut sekolah daripada memasuki tempat-tempat hiburan terutama kelab malam, karaoke dan sebagainya kerana tempat-tempat maksiat seperti itu menanam perasaan negatif yang boleh membawa akibat-akibat buruk semata-mata kepada usaha-usaha membangunkan negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan, kuasa bagi mengawal pusat-pusat hiburan awam adalah terletak pada Kerajaan-kerajaan Negeri. Maka terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menetapkan peraturan yang hendak dikenakan sebagai syarat-syarat pengeluaran lesen, termasuklah keputusan sama ada hendak mengharamkan sama sekali penuntut-penuntut sekolah daripada memasuki tempat-tempat hiburan yang dimaksudkan itu.

**SKIM GAJI—INSENTIF KEPADA
SAINTIS-SAINDIS**

12. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin minta Perdana Menteri menyatakan kepada Kerajaan tidak mengkaji

semula skim gaji dan insentif kepada saintis-saintis kita di Institusi Kerajaan. Ini memandangkan negara memerlukan kepakaran mereka di dalam usaha negara menuju ke arah negara perindustrian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, skim perkhidmatan, tanggagaji dan insentif-insentif seperti elaun-elaun serta lain-lain kemudahan untuk pegawai-pegawai dalam bidang sains termasuk bidang-bidang lain telah dikaji semula dalam tahun 1991. Perubahan-perubahan mengenainya termasuk tanggagaji yang lebih baik telah dilaksanakan melalui Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1.1.1992. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menjalankan satu kajian baru.

**RTM—KUTIPAN
'TELETHON 88'**

13. Tuan Limun Laikim minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kutipan seluruh negara "Telethon 88" yang dianjurkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM); dan
- (b) di manakah wang-wang kutipan itu disalurkan dan berapakah baki yang ada.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM5,757,000 telah berjaya dikutip dari projek Telethon 1990. Tabung ini adalah untuk membantu pesakit-pesakit jantung dan buah pinggang. Semua kutipan telah dibelanjakan untuk bantuan tersebut.

PROGRAM PEMBANGUNAN BEKAS PERAJURIT

14. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan sedar kebanyakan negara-negara luar ada mempunyai dasar khusus untuk membantu bekas perajurit. Kalau sedar, sudah adakah dasar atau Akta khusus digubal untuk membantu bekas-bekas perajurit. Kalau belum, adakah Kerajaan bercadang menggubal dasar yang khusus untuk bekas perajurit negara, seperti yang dibuat untuk peladang, petani, nelayan, pekebun, pekebun kecil, orang asli dan warga tua.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sedar di atas perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Di atas kesedaran tersebutlah pihak Kementerian Pertahanan bercadang merangka satu Program Pembangunan Bekas-bekas Perajurit secara menyeluruh selaras dengan perkembangan dan pembangunan struktur ekonomi negara. Program ini bukan sahaja melibatkan soal-soal pembangunan sumber tenaga kerja ataupun latihan tetapi juga akan merangkumi tindakan susulan selepas latihan, yang melibatkan Program Pembangunan Usahawan dan Sosial Ekonomi.

Program ini dirangka dengan tujuan untuk melahirkan golongan Wira Usahawan dan untuk menggalakkan mereka bergiat dalam kegiatan di bidang ekonomi dan juga pelaburan. Di bawah program ini sebuah Tabung Pembangunan Usahawan dan Peruntukan Pembangunan khusus untuk Bekas Perajurit diwujudkan.

Bagi menjayakan Program Pembangunan Bekas Perajurit ini dengan lebih berkesan dari lebih berwibawa, Kementerian mencadangkan supaya sebuah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Perajurit diwujudkan melalui perluasan Akta 101, iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Dengan mekanisma ini, satu Akta baru seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhonnat tidak lagi diperlukan.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kebanyakannya berpusat kepada bakal-bakal perajurit, ini bermakna mereka yang sedang berkhidmat dan yang akan berhenti. Masalah yang berbangkit sekarang ialah bekas-bekas perajurit yang teiah pun berhenti, yang sekarang ini mencapai tahap 2.5 juta anggota keluarga. Ini yang menjadi masalahnya. Adakah Akta ini meliputi mereka yang sudah pun tamat perkhidmatan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan, ini adalah satu program yang menyeluruh kepada bekas-bekas perajurit dan ianya pasti meliputi bekas-bekas perajurit yang telah bersara bukan sahaja bakal-bakal bekas perajurit tetapi bekas-bekas perajurit yang telah bersara, kesemuanya akan dibantu ataupun diuruskan melalui program yang menyeluruh seperti yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara detailnya saya tidak dapat memberikan maklumat di sini oleh kerana perkara tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan cadangannya secara terperinci dan peraturan-peraturan

untuk meminda Akta juga sedang diuruskan.

Jadi, oleh sebab itu pada masa yang sesuai nanti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan ini akan diberitahu.

CUKAI PENDAPATAN— PELEPASAN

15. Puan Kian Sit Har minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang semula Belanjawan '94 mengenai:

- (a) penurutan potongan (cukai pendapatan) untuk menampung perbelanjaan anak-anak yang menuntut di luar negara daripada RM3200 ke RM1600 memandangkan ramai ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka ke negara-negara asing untuk mengikuti pelajaran tinggi kerana tempat-tempat di universiti tempatan masih terhad; dan
- (b) kemungkinan menaikkan potongan diri (bagi tujuan Cukai Pendapatan) bagi orang bujang (yang belum kahwin) daripada RM5,000 ke RM10,000.

Setiausaha Purlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebelum Belanjawan 1994, pelepasan cukai bagi anak yang belajar di luar negeri di universiti atau institusi pengajian tinggi maksimumnya adalah empat kali ganda pelepasan biasa iaitu maksimum sehingga 5 orang

anak sebanyak RM4,000 bagi setiap orang anak. Pada masa kini, pelepasan maksimum untuk anak yang menerima pendidikan sepenuh masa di universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia telah dinaikkan kepada empat kali ganda pelepasan biasa iaitu maksimum 5 orang anak sehingga RM4,000 bagi setiap anak. Di samping itu, pelepasan maksimum untuk anak yang menerima pendidikan sepenuh masa di universiti dan institusi pengajian tinggi di luar negeri dikurangkan kepada dua kali ganda dari pelepasan biasa iaitu maksimum sehingga 5 orang anak sebanyak RM1,600 bagi setiap orang anak. Bagaimanapun, bagi pelajar-pelajar yang berdaftar di institusi luar negeri sebelum 1.1.1994, pelepasan maksimum empat kali ganda akan dikekalkan sehingga pelajar-pelajar berkenaan tamat pengajian mereka.

Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula cadangan Belanjawan 1994 mengenai pelepasan cukai untuk menampung perbelanjaan anak-anak yang menuntut di luar negara. Ini adalah kerana selain dari mengurangkan aliran keluar wang, bidang pendidikan di negara kita telah berkembang dengan pesat dengan meningkatnya bilangan kolej-kolej persendirian dan program kembar di antara kolej-kolej tempatan dengan universiti/kolej di luar negara.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk membeza pelepasan diri, yang sekarang ini berjumlah RM5.000, di antara pembayar cukai yang belum kahwin dan yang sudah berkahwin. Pelepasan hanyalah untuk setiap pembayar cukai tanpa mengarabii kira ia sudah berkahwin ataupun belum berkahwin.

**PEKERJA ASING—JAMINAN
PULANG KE NEGARA ASAL
SELEPAS TAMAT TEMPOH
PERKHIDMATAN**

16. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan kesemua tenaga buruh asing yang sedang bekerja di Malaysia akan pulang ke tanah air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pekerja asing di negara ini akan pulang ke negara asalnya setelah tamat tempoh perkhidmatannya, Kerajaan telah mengenakan syarat supaya setiap majikan yang menggaji pekerja asing membayar wang jaminan (bond) semasa memohon Pas Lawatan Kerja Sementara di Jabatan Imigresen Malaysia. Wang jaminan ini akan dirampas dan majikan boleh didakwa sekiranya gagal mematuhi syarat berkenaan.

**UNIVERSITI TEMPATAN—
PENGHIJRAHAN TENAGA
PENGAJAR**

17. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pendidikan

menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang menyediakan satu insentif baru bagi menghalang penghijrahan tenaga pengajar di universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan, kolej-kolej dan pusat pengajian swasta;
- (b) jika tidak, adakah Kerajaan bercadang menggubal satu peraturan atau prosedur pengambilan tenaga pengajar ke universiti dan institusi dan institusi pengajian tinggi tempatan, agar universiti dan pusat pengajian tinggi tempatan tidak dijadikan sebagai satu tempat persinggahan bagi mencari peluang kerja yang lebih baik; dan
- (c) jika tidak, minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah penghijrahan tenaga pengajar universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan ke kolej-kolej swasta.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad); Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhonnat, Kerajaan telah pun memberi beberapa insentif bagi mengekalkan tenaga akademik kita terus berkhidmat di institusi pengajian tinggi tempatan di bawah Skim Saraan Baru (SSB). Di antaranya ialah menawarkan skim gaji yang lebih flexible lagi, pembayaran elaun kritikal pada kakitangan akademik di dalam bidang-bidang penting yang dianggap kritikal seperti undang-undang, kejuruteraan dan perubatan. Sekiranya memenuhi syarat-syarat tertentu juga, pensyarah-pensyarah dapat kenaikan pangkat tanpa berdasarkan kekosongan jawatan Professor Madya dan Professor.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada ramai di antara tenaga pengajar, khususnya mereka yang muda yang merasa kecewa dengan SSB kerana lantaran daripada pelaksanaan SSB, jurang dari segi gaji antara mereka khususnya professor-professor jauh bertambah luas. Ini adalah merupakan satu masalah yang saya ingin tahu. Adakah Kementerian sedar akan masalah ini, dan kalau sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita memandangkan dari skim gaji secara statik begitu, pertimbangan antara gaji-gaji pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah tertentu mengikut, dengan izin, seniority mereka memang besar bezanya. Tetapi dalam sistem SSB ini yang penting ialah feasibilitynya dan termasuk di mana penilaian prestasi-prestasi pegawai-pegawai atau pensyarah-pensyarah itu diambil kira. Mengikut penilaian-penilaian tahunan mereka ini akan digunakan untuk memberi peluang kepada mereka mendapat kenaikan gaji yang boleh dikatakan sesuai dengan cara-cara kerja mereka.

TERMINAL MARITIME LUMUT

18. **Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar Kerajaan bercadang membina sebuah pelabuhan yang dikenali sebagai Lumut Maritime Terminal di Lumut, Perak;
- (b) jika benar, apakah bentuk pelabuhan ini;
- (c) apakah kemajuan yang dicapai setakat ini dan bilakah

pembinaannya dijangka siap; dan

- (d) jika pelabuhan ini telah diswastakan, apakah syarikat-syarikat yang menghakmiliki pelabuhan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lumut Maritime Terminal di Perak adalah satu projek usaha sama di antara Kerajaan Negeri Perak dengan syarikat-syarikat swasta. Ianya akan dimajukan oleh Syarikat Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd., dan Kerajaan tidak terlibat dalam pembinaan projek ini.
- (b) Lumut Maritime Terminal yang dicadangkan melibatkan pembinaan sebuah jeti berbentuk 'L' dengan kedalaman sebanyak 8.7 meter. Ia hanya mampu melabuhkan sebuah kapal seberat 35,000 dead weight tonne (dwt) yang separuh penuh. Berdasarkan perbincangan yang diadakan dengan syarikat tersebut, Kementerian Pengangkutan telah difahamkan bahawa Lumut Maritime Terminal sepatutnya menjadi sebuah 'feeder port' sahaja.
- (c) Kementerian Pengangkutan difahamkan bahawa Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. akan memulakan pembinaan dalam bulan Januari, 1994 dan dijangka siap dalam masa 14 bulan.
- (d) seperti yang telah saya nyatakan projek ini adalah satu

projek usaha sama Syarikat Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak 30%, Halim Rasip Holdings Sdn. Bhd. 19% dan IPCO Constructor Sdn. Bhd. 51%.

HOSPITAL BESAR DIPERBADANKAN—KESAN KEPADA PESAKIT MISKIN

19. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa terdapat kesan kurang baik kepada pesakit yang miskin sekiranya semua hospital besar di seluruh negara diperbadankan.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sentiasa prihatin akan keperluan pesakit-pesakit miskin. Sekiranya hospital-hospital Kerajaan diperbadankan, Kerajaan akan memastikan bahawa setiap pesakit akan terus dapat memperolehi perkhidmatan perubatan dan kesihatan tanpa mengira kemampuan mereka membayarnya. Sebagai contoh, Kerajaan memberi bantuan kepada pesakit-pesakit miskin yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara yang telah pun diperbadankan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang telah memberi penjelasan. Oleh sebab jawapannya melibatkan Institut Jantung Negara, saya cuma ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak pesakit-pesakit jantung ini yang melibatkan ramai di kalangan orang kampung yang

memohon dan tidak mampu untuk membayar, terpaksa menunggu sehingga setahun. Kadangkala terdapat pesakit-pesakit ini telah meninggal dunia. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian, kerana saya tahu ada beberapa kes yang telah pun terlalu lama menunggu sehingga meninggal kerana tiada kemampuan untuk membayar wang.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, belum ada rekod yang menunjukkan bahawa pesakit mati kerana lambat diadakan operation di Pusat Jantung Negara. Suka saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua bahawa kadar kejayaan operation jantung itu sekarang amat tinggi sehingga 97% kejayaan atas semua operation jantung itu. Kerana kejayaan ini, mungkin mengakibatkan pesakit sendiri atau keluarga yang berkenaan berkehendakkan operation kepada pesakit-pesakit itu dijalankan dengan lebih awal kalau dibandingkan kepada fikiran lama di mana mereka termasuk pesakit takut menjalani operation. Oleh kerana successful rate, dengan izin, sekarang adalah tinggi sehingga sedikit sahaja sakit jantung, pesakit itu mahu dibedah. Jadi, sebab itu seolah-olah banyak 1,000 atau 2,000 sedang menunggu dalam list itu. Yang sebenarnya, giliran pesakit yang patut diberi operation awal ataupun mengikut giliran tertakluk kepada peperiksaan pakar, specialist di Institut Jantung Negara itu.

BUMIPUTERA—PELUANG EKONOMI

20. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dasar Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah menampakkan banyak perubahan daripada segi kemajuan negara ini. Apakah program Kerajaan yang spesifik yang boleh memberi peluang-peluang ekonomi untuk kaum bumiputera dalam masa yang lebih singkat. Sila senaraikan perancangan-perancangan tertentu yang berhasrat untuk menumpukan kepada kejayaan kaum bumiputera itu mengikut Kementerian-kementenan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan banyak peluang-peluang ekonomi bagi kaum bumiputera dalam masa yang lebih singkat. Peluang-peluang ini terdapat dalam bentuk berbagai program dan langkah yang boleh digolongkan kepada tiga, iaitu:

- (a) Program latihan dan pendidikan bagi meningkatkan pembangunan gunatenaga bumiputera, khususnya dengan menambah bilangan bumiputera pada peringkat profesional, pengurusan, penyeliaan dan teknikal. Program ini dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, PETRONAS, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Bhd. dan banyak lagi agensi-agensi lain.
- (b) Program membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdayasaing dan berdaya-tahan. Program ini dikendalikan oleh pelbagai agensi Kerajaan termasuk Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan

(ICU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Awam dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. dan melibatkan pemberian bantuan kewangan, latihan dan bimbingan. Program-program khusus di bawahnya termasuklah program pembangunan vendor, franchise, pengusaha di bawah konsep payung, skim kilang bimbingan dan pembangunan industri kecil atau kampung di luar bandar. Selain daripada itu, Kerajaan juga menetapkan kuota tertentu diberi kepada peniaga atau pengusaha-pengusaha bumiputera yang layak mendapatkan lesen, permit dan kontrak untuk berniaga.

- (c) langkah-langkah bagi membolehkan masyarakat bumiputera menyertai perkembangan sektor korporat melalui pembelian saham syarikat. Ini dilaksanakan di antaranya melalui peruntukan khas saham syarikat yang hendak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kewujudan ASN dan ASB untuk membolehkan pelabur kecil bumiputera menyertai pasaran saham, dan kewujudan ASB, PPRT bagi membolehkan golongan termiskin mengikut serta dalam pasaran saham. Selain daripada itu, dalam projek-projek penswastan, Kerajaan menentukan bahawa syarikat-syarikat bumiputera diberi peluang untuk menyertai dan melaksanakannya.

Berasaskan penjelasan di atas, adalah jelas bahawa Kerajaan sememangnya mengambil berat tentang penyertaan penuh dan aktif masyarakat bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam tahun-tahun akan datang, Kerajaan akan mempergiatkan usahanya dalam bidang ini. Sungguhpun demikian, masyarakat dan usahawan bumiputera sendiri perlulah berusaha dengan gigih mempelajari selok-belok perniagaan dan budaya keusahawanan di samping bersedia meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan supaya dapat bersaing dengan jayanya di pasaran terbuka. Di samping itu, syarikat-syarikat swasta, termasuk bank-bank komersil, hendaklah berganding bahu dengan Kerajaan untuk menyediakan peluang dan sokongan bagi membantu pembangunan usahawan bumiputera.

JALAN-JALAN RAYA—KES TANAH RUNTUH

21. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kementerian Kerja Raya membuat penyeliaan ke atas jalan raya-jalan raya yang telah dibina itu selamat digunakan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan tanda amaran di jalan raya yang mempunyai peratusan yang tinggi dari segi ketidakselamatan penggunaannya seperti kes tanah runtuh di jalan raya Kuala Lipis-Gua Musang yang mengorbankan nyawa baru-baru ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), saya telah

pun menjawabnya semasa saya menjawab soalan ke-6 dan soalan-soalan tambahan, dan saya tidak ada apa-apa yang hendak ditokoktambah.

Mengenai soalan (b), JKR akan menjalankan satu kajian menyeluruh atas kestabilan cerun-cerun tinggi dalam keadaan yang berubah. Selepas kajian tersebut selesai dan kestabilan dalam berbagai keadaan ditentukan, sesuatu 'ranking' akan diadakan. Tindakan susulan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat boleh dipertimbangkan.

LUMUT—PENUTUPAN JETI SWASTA

22. **Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar atau tidak Kerajaan bercadang menutup kesemua jeti yang kini dikendalikan oleh firma-firma swasta di Lumut, sebaik-baik sahaja Lumut Maritime Terminal mula beroperasi. Jika benar, apakah sebab-sebabnya tindakan ini diambil.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, lesen-lesen bagi menjalankan operasi di jeti-jeti seperti di Lumut tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa pandangan dan maklum balas daripada Kementerian Pengangkutan, pengusaha-pengusaha dan pemilik jeti sedia ada supaya mereka ini terus dibenarkan beroperasi akan diambil kira oleh Kerajaan Negeri Perak sebelum apa-apa keputusan muktamat dibuat olehnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 32 adalah dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1993)(No. 2) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM94,154,300 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan ketiga 1993 berjumlah RM102,850,300. Daripada jumlah ini, sebanyak RM94,154,300 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, manakala bakinya sebanyak RM8,696,000 adalah Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Pertama, tambahan sebanyak RM28.9 juta di bawah Maksud B. 20, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah untuk memenuhi keperluan Belanja Mengurus Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1993 bagi menggantikan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) yang telah pun dibubarkan. Tambahan peruntukan tersebut bertujuan membolehkan perlantikan pegawai dan kakitangan baru, membuka pejabat perdagangan baru di luar negeri, membeli peralatan pejabat, mengadakan promosi perdagangan luar negeri dan beberapa aktiviti lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara peranan utama MATRADE ialah untuk membangunkan perdagangan antarabangsa Malaysia serta memikirkan strategi bagi memasarkan barangan keluaran Malaysia, termasuk di pasaran-pasaran baru. Pada masa ini MATRADE mempunyai 244 jawatan. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 136 jawatan merupakan jawatan-jawatan di luar negara dan pada masa ini MATRADE mempunyai 31 pejabat di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap satu hari nanti MATRADE akan dapat membiayai sendiri perbelanjaan Mengurus dan Pembangunannya dan buat permulaan Kerajaan memberikan sedikit bantuan bagi membolehkan MATRADE berfungsi dengan berkesan memandangkan perdagangan luar merupakan satu aspek penting dalam ekonomi negara kita.

Tambahan sebanyak RM15.8 juta di bawah Maksud B. 48, Kementerian Pengangkutan adalah untuk menampung baki perbelanjaan agensi-agensi baru yang diwujudkan di bawah Kementerian ini termasuk Badan Kawalselia Penerbangan Awam, Perbadanan Aset Keretapi, Jabatan Keretapi dan Pasukan Pengurusan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa.

Daripada jumlah tersebut RM14.8 juta adalah untuk Badan Kawalselia Penerbangan Awam yang telah ditubuhkan pada 11b November 1992, yang mana antara peranan utamanya ialah untuk mengawalselia penerbangan awam di negara kita. Badan Kawalselia Penerbangan Awam mempunyai 862 jawatan. Perbadanan Aset Keretapi pula, peruntukan tambahan yang dipohonkan adalah RM229,600. Jabatan Keretapi RM149,300 dan Pasukan Pengurusan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ialah RM600,000.

Jumlah yang dipohon ini kesemuanya merupakan baki peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1993, iaitu sebanyak RM35.3 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM19.6 juta telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada sesi yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM11.2 juta di bawah Maksud B. 43, Kementerian Undang-undang adalah untuk menampung bayaran emolumen, bayaran sewa ruang pejabat yang ada dan ruang pejabat yang baru, penyelenggaraan mesin resit dan komputer, pemasangan alat hawa dingin dan pembaikan bangunan mahkamah. Daripada jumlah RM11.2 juta yang saya sebutkan tadi,

kira-kira RM6.4 juta adalah untuk membayar emolumen, termasuk tunggakan bayaran gaji SSB dan juga pembayar lebih yang perlu dibayar berikutan daripada kenaikan pangkat pegawai-pegawai di Kementerian Undang-undang. Pembayaran sewa tambahan yang diperlukan ialah RM1.8 juta, manakala bagi kerja-kerja kecil untuk mengubahsuai pejabat-pejabat baru Kementerian Undang-undang di seluruh negara berjumlah kira-kira RM3 juta.

Tambahan sebanyak RM7.2 juta di bawah Maksud B. 22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah untuk menampung kenaikan sewaan ruang pejabat Kementerian di PWTC daripada RM1.50 satu kaki persegi kepada RM4.00 satu kaki persegi, penubuhan pejabat-pejabat baru Kementerian di peringkat negeri iaitu di Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Johor dan Terengganu. Tambahan ini juga diperlukan untuk membiayai perbelanjaan Program Latihan Seijj dan Pelancongan dan pembukaan 3 pejabat baru di luar negeri iaitu di Seoul, Milan dan Stockholm dan Program Promosi 'Tahun Melawat Malaysia'. Daripada sejumlah RM7.2 juta yang dipohonkan itu, kira-kira RM6 juta adalah untuk Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, termasuk RM1 juta yang diperlukan sebagai peruntukan awal bagi membuat persediaan bagi menggalakkan ataupun mempopularkan 'Tahun Melawat Malaysia' yang kedua, pada tahun hadapan iaitu tahun 1994.

Selain itu, penubuhan pejabat-pejabat baru di beberapa buah negeri yang disebutkan tadi melibatkan tambahan perbelanjaan sebanyak RM438,830,000.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM7.2 juta di bawah Maksud B.1, Parlimen adalah untuk menampung bayaran beberapa elaun tetap dan kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen berdasarkan pindaan kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980, perbelanjaan bagi persidangan AIPO ke-14 dan Asian Forum of Parliamentarians on Population and Development, dengan izin, kerja-kerja penyenggaraan dan kos percetakan. Dari jumlah RM7.2 juta kira-kira RM6.25 juta adalah untuk membiayai kenaikan dalam elaun tetap dan beberapa, kemudahan lain bagi kesemua Ahli-ahli Parlimen.

Tambahan sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud B. 49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi badan-badan kawalselia termasuk kawalselia pos, kawalselia elektrik, kawalselia Telekom, kawalselia gas dan bayaran diskaun bil-bil elektrik. Tambahan ini juga adalah diperlukan untuk menampung kenaikan sewaan ruang pejabat di Wisma Damansara daripada RM1.40 kepada RM3.40 sekaki persegi, pembelian peralatan bagi sistem pengurusan dan pengawasan spektrum frekuensi radio dan kos kempen penjimatan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM6 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B. 26 Kementerian Pendidikan untuk menampung perbelanjaan awal penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk membelanjakan kira-kira RM29.41 juta bagi membantu penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia ini dan untuk menjayakan matlamat tersebut, sebuah syarikat berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh

Kerajaan telah pun ditubuhkan pada bulan April yang lalu. Institut Terjemahan Negara Malaysia ini antara peranan utamanya ialah ia merupakan badan tunggal rasmi untuk mengendalikan hal ehwal terjemahan dan juga penyebaran maklumat kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM5.7 juta di bawah Maksud B. 17 Kementerian Belia dan Sukan untuk menampung pemberian geran sebanyak RM5 juta kepada Majlis Sukan Negara untuk Program Latihan Persediaan Atlet Sukan Komanwel 1998 dan sebanyak RM0.7 juta untuk menampung kenaikan kadar sewa ruang pejabat mulai bulan Januari lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan RM5 juta tersebut adalah merupakan sumbangan awal Kerajaan untuk membiayai keperluan kewangan untuk latihan. Mengikut anggaran awal Kerajaan yang dibuat berkaitan dengan keperluan untuk aspek latihan yang melibatkan penyediaan dan kelengkapan pusat-pusat latihan, alat-alat dan jurulatih dalam dan luar negeri bagi menjayakan Sukan Komanwel dianggarkan kira-kira RM129 juta dan dari jumlah tersebut, Kerajaan dijangka menyumbang kira-kira 30% dan dalam Belanjawan tambahan yang dipohonkan pada kali ini, Kerajaan bercadang memperuntukkan RM5 juta kepada Majlis Sukan Negara untuk Program Latihan Persediaan Atlet Sukan Komanwel 1998.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM4.2 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan adalah untuk membiayai pampasan kepada MARDEC Yokohama Fertilizer Corporation Sdn. Bhd. yang telah

berpindah dari Durian Tunggal, Melaka ke Sungai Besar, Negeri Sembilan berikutan penutupan kilang MARDEC di Durian Tunggal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat MYFEC adalah sebuah syarikat usahasama di antara MARDEC dengan Yokohama Rubber Company dengan modal berbayar sebanyak RM6 juta dan syarikat tersebut mula beroperasi pada tahun 1990. MYPEC diwujudkan untuk menggunakan susu getah dari kilang MARDEC bagi menghasilkan baja serta bagi membantu mengurangkan pencemaran air. Berikutan daripada penutupan kilang getah MARDEC, operasi kilang MYFEC telah terjejas kerana kehilangan sumber bahan mentah utama.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM1.5 juta diperlukan di bawah Maksud B. 56 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat iaitu untuk geran pelancaran Skim Insentif Ahli-ahli Sukan Cacat.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1993 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan seperti Kertas Perintah 26 Tahun 1993 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26A Tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

5.55 *ptg.*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyatakan perasaan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang pada petang ini. Saya berdiri untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No.2) tahun 1993 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan B. 1 Parlimen di mana sejumlah RM7,156,800 telah pun dikeluarkan untuk perbelanjaan sebagai pembayaran tambahan elaun kepada Ahli-ahli Parlimen. Sudah tentulah saya percaya kita sokong pengeluaran wang ini kerana sememangnya kita berpendapat iaitu bahawa Ahli-ahli Parlimen telah pun menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka dengan baik dan jelas kelihatan daripada suasana stabil negara yang wujud pada ketika ini di mana kita semua merasa begitu bertuah disabitkan oleh kerana ahli-ahli politik yang matang yang telah dapat mentadbir negara dengan baik, maka

kita adalah di antara beberapa buah negara yang di waktu dan ketika ini sedang mencabar negara-negara maju dalam kita mengejar pembangunan ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita tengok apabila kita membuat perbandingan di antara elaun yang dibenarkan kepada Ahli Parlimen kita termasuk Dewan Negara dan dibandingkan dengan elaun yang diberikan kepada Ahli Parlimen dari negara jiran kita, kita lihat bahawa satu jumlah perbezaan yang begitu besar terserlah apabila kita membuat perbandingan ini. Baru-baru ini telah dikeluarkan laporan di dalam akhbar kita berkenaan dengan betapa Kerajaan Singapura, jiran kita menghadapi masalah untuk menarik perhatian rakyat Singapura untuk melibatkan diri dalam politik di mana di waktu dan ketika ini sudah ada dua orang Menteri Kerajaan Singapura yang telah membuat keputusan untuk menarik diri daripada menjawat jawatan Menteri ini.

Ini ialah kerana mereka merasakan selain daripada tanggungjawab yang cemerlang yang telah diberikan oleh kedua-dua Ahli Parlimen Singapura ini, mereka merasakan iaitu tarikan daripada segi kewangan di pihak swasta Singapura itu lebih kuat daripada gaji yang mereka dapat sebagai Ahli Parlimen ataupun sebagai Menteri. Sebab itu kita tengok mereka menghadapi masalah. Saya berkesempatan baru-baru ini bagi pihak Pergerakan Pemuda UMNO menjadi host, dengan izin, kepada pemuda-pemuda dari PAP Singapura. Dalam lawatan mereka ke negara kita, mereka merasa kagum macam mereka lihat iaitu dari perbandingan elaun yang diberikan kepada Ahli Parlimen Malaysia dibandingkan dengan elaun

yang diberikan kepada Ahli Parlimen Singapura, walaupun kurangnya begitu banyak tetapi nampak bahawa ahli-ahli politik di tanah air kita tidak mengirakan sangat tentang bayaran elaun ini.

Mereka kata, kalau seperti inilah jumlah yang diberikan kepada Ahli Parlimen di Singapura, sudah tentu Parlimen Singapura itu akan kosong kerana tidak ada orang berminat untuk menjadi ahli politik. Ini benar, bukan satu perkara yang sengaja diwujudkan oleh saya, tetapi kesempatan saya dapat berbincang dengan mereka. Mereka kagum iaitu dengan jumlah yang diberikan kepada Ahli Parlimen kita, mereka lihat masih lagi ramai di kalangan orang-orang politik dalam negara kita ini yang masih mahu berkhidmat walaupun pendapatan elaun daripada Parlimen itu kurang jika dibandingkan dengan mereka.

Daripada segi nilai wangnya, Dollar Singapura sudah lebih tinggi daripada Ringgit Malaysia dan jumlah bayaran elaunnya lebih tinggi daripada kita. Kita dengar bahawa Perdana Menteri Singapura, kalau tidak silap saya, S\$70,000 ataupun S\$40,000 satu bulan, saya pun tidak ingat. Saya minta, kalau ada rakan-rakan saya yang tahu, saya tidak pasti, S\$70,000 atau S\$40,000. Itu Dollar Singapura. S\$70,000 satu bulan. Saya buat perbandingan, saya query dengan Jabatan Perdana Menteri hendak tanya tentang gaji Perdana Menteri kita - RM17,000 sahaja sebulan.

Begitulah bezanya, daripada segi jumlahnya dia lebih, daripada segi nilai wangnya pun lebih daripada kita. Sebab itu saya merasakan bahawa kenaikan elaun yang diberikan kepada ahli politik memanglah berpatutan, Mungkin ada orang yang berkata

kepada kita, kalau sudah rendah sangat, buat apa jadi Ahli Parlimen? Gila sangat menjadi Ahli Parlimen, gila hendak menjadi Senator. Ini bukan gila hendak menjadi Senator, tetapi kita gila politik hendak beri sumbangan kepada rakyat. Inilah kelebihan rakyat Malaysia. Dia gila politik, dia berkejar sesama dia, semata-mata hendak memberi sumbangan dan khidmat kepada rakyat.

Saya percaya, di kalangan kita, semuanya ada pilihan. Kalau tidak menjadi Ahli Dewan Negarakah atau tidak menjadi Ahli Parlimen, kita ada kerja lain. Saya tengok, di antara kakak-kakak saya yang menjadi Ahli Dewan Negara, meninggalkan rumah, suami dan anak-anak mereka kerana hadir untuk memberi sumbangan, Jadi sebab itu, jumlah wang RM7 juta yang dikeluarkan untuk diberikan sebagai bayaran elaun tambahan kepada Ahli Parlimen adalah begitu kecil kalau hendak dibandingkan dengan sumbangan yang diberikan oleh Ahli Parlimen kepada negara kita ini. Sebab itu, saya menyokong dengan penuh kuat - memang tepat pun, Bil ini pun disebut Bil. 1 - nombor satu, nombor wahid. Memang kita patut sokong berkenaan dengan pemberian elaun tambahan kepada Ahli-ahli Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap tentang Parlimen ini, saya teringat juga, iaitu tidak berapa lama lagi akan dibincangkan di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat berkenaan dengan satu Akta di mana akan kita pinda untuk membolehkan kawasan sempadan pilihanraya ini diubahsuai mengikut suasana sekarang ini, yang mana setengah-setengah negeri, saya telah difahamkan, ada kawasan Dewan Undangan Negeri yang telah ditambah, Dewan Parlimennya juga ditambah

disabitkan oleh kerana jumlah pengundi kita telah bertambah daripada bancian yang telah dibuat di masa yang lepas.

Saya memang merasakan bahawa setelah hampir 10 tahun telah berlalu, yang mana pindaan yang lepas telah dibuat pada tahun 1985, kalau tidak silap saya, memang sudah tentu banyak perubahan daripada segi kawasan itu telah berlaku dan jumlah pengundi juga telah bertambah. Sebab itu saya merasakan, memanglah wajar bahawa kawasan-kawasan Parlimen dan juga kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri ini dipinda untuk menyesuaikan dengan keperluan yang ada pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membangkitkan tentang negeri-negeri yang mana ada tambahan kawasan Parlimen ataupun kawasan Dewan Undangan Negeri. Saya hendak bercakap tentang negeri yang rakan saya datang daripada Negeri Terengganu. Negeri saya, Negeri Perak, kawasan Parlimen tidak ada tambahan, tetapi Dewan Undangan Negeri ada. Jadi, kalau ada berlaku sedikit pindaan kawasan sempadan itu, memang patutlah kerana ada tambahan kepada kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Perak.

Tetapi apa yang menghairankan saya, di Negeri Terengganu, saya tengok bahawa daripada segi tambahan kawasan Parlimen, tidak ada dan juga daripada segi kawasan Dewan Undangan Negeri juga tidak ada tambahan. Tetapi yang menghairankan saya ialah, walaupun tidak ada tambahan kawasan Parlimen dan juga tambahan kawasan Dewan Undangan Negeri di Negeri Terengganu, tetapi sempadan itu dipinda. Saya sedang memikirkan apakah sebenarnya rasional yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya, di mana di

Negeri Terengganu tidak ada tambahan kerusi Parlimen dan tidak ada tambahan kerusi Dewan Undangan Negeri, tetapi kawasan sempadannya dipinda. Apakah berlaku satu pergolakan perjalanan, apa yang dikatakan, berlaku dalam Negeri Terengganu itu satu perubahan, di mana sejumlah rakyat telah keluar daripada satu kawasan ke kawasan lain, begitu banyak sehinggakan kita memerlukan kepada pindaan kawasan ini. Tidak ada tambahan, bermakna tidak ada tambahan pengundi yang mendadak. Maka, tidak memerlukan kepada tambahan kerusi Parlimen dan juga kawasan Dewan Undangan Negeri.

Jadi, kepada saya, ini sangat menghairankan. Mengapa, kalau tidak ada tambahan kepada kerusi Parlimen dan juga tidak ada tambahan kepada kerusi Dewan Undangan Negeri, mengapa harus ada ubahsuai sempadan-sempadan kawasan Dewan Undangan Negeri dan kawasan Parlimen ini. Saya rasa, sepatutnya, kalau tidak ada tambahan, maka biarlah ia begitu sahaja kerana yang penting kepada kita ialah service atau khidmat kita kepada masyarakat. Kalau sekiranya kita telah begitu biasa, tentu terganggu sumbangan kita kepada rakyat kalau sekiranya kawasan sempadan itu dipinda, walaupun tidak ada tambahan kerusi Dewan Undangan Negeri ataupun kerusi Parlimen kita.

Sebab itu saya meminta kepada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, kalau boleh supaya memikir kembali cadangan mereka untuk mengubahsuai sempadan kawasan Dewan Undangan Negeri dan juga kawasan Parlimen yang ada sekarang. Saya rasa, kalau tidak ada tambahan kepada kerusi-kerusi ini, tidak perlu kita pinda kerana yang penting kepada kita ialah untuk

memberi sumbangan khidmat kepada rakyat yang menjadi pengundi di kawasan kita. Saya bercakap ini di sebuah negeri yang mana ramai juga Pembangkang yang duduk sebagai Ahli Undangan Negeri di Negeri Terengganu. Kalau Dewan Undangan Negeri Terengganu itu, jumlah majoritinya ramai terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari parti UMNO, mungkin cadangan saya ini boleh dikatakan sebagai berat sebelah sebab semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri itu daripada UMNO - Barisan Nasional. Tetapi kita tahu bahawa di Terengganu ada lebih daripada 10 orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang datang daripada Pembangkang, iaitu PAS dan juga Semangat 46. Jadi, sebenarnya, apa yang hendak dicadangkan oleh kita supaya tidak diubahkan sempadan ini menguntungkan juga kepada Ahli-ahli Dewari Undangan Negeri daripada parti Pembangkang, kalau mereka buat kerjalah. Sebab kalau dia menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang baik, electorate servicenya, dengan izin, baik sudah tentu apa yang dicadangkan oleh saya ini akan menguntungkan dia kerana dia sudah mempunyai advantage, dengan izin, boleh disabitkan kerana mereka merupakan incumbent Ahli Dewan Undangan Negeri.

Jadi, tidak berbangkit di sini soal mengatakan oleh kerana Saudara Nazri datang daripada Barisan Nasional mencadangkan ini kerana hendak menjagakan kepentingan parti dia sahaja. Tidak! Kita hendak menjaga kepentingan rakyat yang telah mendapat sumbangan yang baik daripada Ahli Dewan Undangan Negerinya. Oleh kerana itu kalau sekiranya di Terengganu ini tidak ada tambahan Kerusi Dewan Undangan

Negeri, tidak ada tambahan Kerusi Parlimen, maka saya ingin mengesyorkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya tidak melakukan apa-apa pengubahsuaian kepada sempadan yang sedia ada pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, B.17 membelanjakan wang sebanyak RM5.6 juta untuk Kementerian Belia dan Sukan. Saya telah difahamkan iaitu bahawa sebahagian besar daripada wang ini telah diberikan kepada Majlis Sukan Negara bagi tujuan untuk melatih atlet-atlet kita dalam kita hendak menghadapi Sukan Komanwel yang akan diadakan di negara kita pada tahun 1998 nanti. Insya Allah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil berat tentang sukan ini. Saya memang menyokong supaya satu perbelanjaan seperti ini harus diperuntukkan untuk sukan, kerana saya lihat iaitu bahawa menerusi sukanlah usaha yang paling mudah untuk kita menyatu-padukan rakyat Malaysia kita ini. Kita tidak harus hanya melihat sukan sebagai "sukan kerana bersukan", tetapi kita sebagai ahli politik yang patriotik, yang cinta kepada negara kita, yang mahu membangunkan negara Malaysia ini yang terdiri daripada orang yang berbilang kaum, maka satu cara yang paling mudah, paling senang untuk kita menyatu-padukan rakyat kita yang berbilang kaum ini ialah menerusi sukan.

Bila kita bersukan, apabila Malaysia bertanding dengan negara lain, kita lihat iaitu bahawa sudah tidak kira warna kulit lagi. Kalau Malaysia sahaja yang bertanding, maka kita lihat rakyat kita yang Melayunya, yang Indianya, yang Cinanya, Iban dan Kadazan tidak peduli siapakah pemain itu; asalkan dia mewakili Malaysia maka kita tengok

bersungguh-sungguh kita bersorak untuk memastikan kemenangan negara kita ini. Sebab itu memang penting sukan ini kepada perpaduan negara kita. Dalam politik kita telah membuka jalan.....

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: (*Bangun*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ingatkan hendak bertanya soalan, rupanya bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam politik kita telah menunjuk suatu contoh yang baik yang mana kita tengok di negara Malaysia kita ini, Barisan Nasional yang terdiri daripada UMNO Melayunya, MCA Cinanya, MIC Indianya dan ada parti Kadazan bumiputera dan juga parti Iban bumiputera. Kita memerintah negara kita ini dan kita berkongsi kuasa. Kita telah nekad iaitu bahawa dalam negara Malaysia kita ini tidak ada suatu bangsa yang boleh memerintah negara ini tanpa ada kerjasama dengan masyarakat-masyarakat lain. Orang Melayu kalau pada hari ini dikatakan 55% menjadi penduduk di negara kita. Tidak mungkin walaupun kita 55%, kita boleh memerintah negara ini dengan aman kalau kita tidak juga ambil kira orang-orang Malaysia daripada kaum lain yang terdiri daripada 45% penduduk di negara kita ini.

Sebab itu kita dalam politik, Barisan Nasionallah yang terbaik sekali. Sebab Barisan Nasional membuka jalan dan menunjuk iaitu bahawa kita boleh bekerjasama. Tidak ada masalah dalam hal ini. Cuma yang menjadi masalahnya ialah pembangkang yang menampakkan chavinist, yang

nampak parochial, itu bukan Barisan Nasional tetapi pembangkang. Sebagai contoh kita tengoklah macam di Kelantan - PAS. Kepada dia seolah-olah sudah tidak ada orang lain - Melayu sahaja. Tidak betul! Tidak boleh seperti ini. Sesuatu yang harus kita lakukan mesti mengambil kira bahawa negara kita ini terdiri daripada masyarakat bangsa lain. Kita tidak boleh bongkak, sombong, merasakan iaitu bahawa oleh kerana negeri itu semuanya ramai orang Melayu, maka kita tidak ambil kira langsung tentang kepentingan orang bangsa lain. Tidak boleh! Kerana ia tidak akan aman. Yang berlaku di Sri Lanka pada hari ini, kaum Tarail cuma ada 15% sahaja kalau hendak dikira daripada segi jumlah, memang di Sri Lanka kaum Sinhalese boleh sapu bersih Negeri Sri Lanka kerana kaum Tamil cuma ada 15%. Tetapi tengok apa yang berlaku Sri Lanka pada hari ini. Sebab itu kita mesti bijaksana dalam segala keputusan yang hendak kita ambil. Walaupun kita merupakan hampir majoriti yang mutlak di negeri berkenaan. Sebab itu saya bercakap tentang perkara ini walaupun sebenarnya sukan saya hendak cakap tadi tetapi saya terpaksa cerita ini kerana kitalah ahli politik Barisan Nasional yang membuka jalan supaya rakyat melihat iaitu bahawa Malaysia boleh bersatu-padu kalau sekiranya pimpinan itu merupakan pimpinan yang bijaksana, pimpinan yang bertanggungjawab dan pimpinan yang harus ambil kira suasana di tanah air kita pada ketika ini. Kalau saya menjawab iaitu bahawa saya boleh buat macam mana di Madinah, maka sudah tentu saya telah meningkatkan taraf saya sama dengan Nabi Muhammad s.a.w. Kita tahu Kerajaan Madinah dahulu telah diketuai oleh Rasulullah s.a.w. Maka kalau saya kata di sini iaitu bahawa saya boleh buat macam itu

juga. Maka saya "maksud" macam Rasulullah s.a.w. Sebab itu kita dalam apa sesuatu yang hendak kita lakukan memang kita mengambil Kerajaan Madinah sebagai contoh tetapi kita harus jangan bongkak, jangan takabur, sebab kalau kita sudah kata, "kita boleh buat". Kalau Rasulullah s.a.w. dahulu boleh buat, kita boleh buat, kita harus buat. Tetapi kalau kita boleh buat macam mana Rasulullah s.a.w. buat dahulu sudah tentu kita tarafnya sama dengan Nabi Muhammad s.a.w. yang tidak mungkin boleh berlaku sebab Baginda merupakan manusia yang maksud, yang serba baik, serba sempurna.

Saya kecil, kalau hendak dibandingkan dengan Nabi s.a.w. - tidak mungkin saya ataupun Ustaz Nik Azizlah. Tidak tahulah kalau dia rasa sama taraf. Kita tidak tahu. Tetapi saya rasa tidak mungkin PAS boleh buat macam mana sama dengan Madinah. Sebab Madinah pada ketika itu diketuai oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan saya tidak nampak pemimpin PAS sama taraf dengan Rasulullah s.a.w. Sebab itu, kepada saya, kita boleh bekerja ke arah untuk mencapai model Kerajaan itu. Tetapi harus diambil kira suasana dalam negara kita yang wujud pada ketika ini di mana negara kita ini terdiri daripada orang Islamnya - cuma 52% atau 53% sahaja, yang 'balance'nya lebih bukan orang Islam. Macam mana kita hendak mendirikan sebuah negara macam di Madinah kalau dalam negara kita sendiri, kita cuma ada 53% sahaja? Kalau orang kata kepada saya, itulah Rasulullah boleh buat? memanglah Rasulullah boleh buat, sebab dia manusia maksud. Kalau saya buat, macam mana Rasulullah buat, saya samalah dengan Rasulullah, tidak ada perbezaan. Sebab itu, kita jangan bongkak. Kepada saya,

kita akan cuba tetapi harus ambil kira suasana dalam negara kita ini. Kalaulah saya hendak bertanya, saya faham maksud yang Ustazah sebutkan tadi. Kalaulah pelaksanaan Undang-undang Hukum Hudud itu adalah satu perkara yang dituntut oleh orang Islam yang memerintah, saya hendak bertanya macam mana dengan orang-orang Islam yang duduk di negara-negara yang mana mereka minoriti, yang sudah tentu undang-undang itu bukan Undang-undang Hudud? Apakah kerana tidak duduk di bawah sebuah negara yang tidak melaksanakan hukuman hudud itu bermakna orang-orang Islam ini semua dia punya Islam tidak bagus? Apakah Tuhan telah menjadikan dunia ini, telah memastikan iaitu bahawa semua negara Islam ini, semua penduduknya diduduki oleh orang Islam? Tidak ada orang Islam yang duduk dalam negeri yang ditadbir oleh orang bukan Islam. Tidak mungkin. Orang Islam bertaburan. Macam mana dengan orang-orang Islam yang duduk di sebuah negara yang mana orang-orang itu adalah orang-orang bukan Islam yang tidak melaksanakan hukuman hudud? Apakah sia-sia Islam dia? Ini saya hendak bertanya kepada wakil parti PAS ini sebab gayanya bercakap, ia sampaikan seolah-olah, iaitu bahawa kalau duduk di bawah sebuah negara yang mana hukuman hudud itu tidak dilaksanakan, maka itu seolah-olah satu dosa yang besar. Tetapi macam mana dengan orang-orang Islam di Thailand-Patani, yang duduk di bawah kerajaan atau pentadbiran penganut agama Buddha? Macam mana dengan orang-orang Islam yang ada di Yugoslavia? Macam mana dengan orang-orang Islam yang ada di negara-negara lain yang mana pimpinannya bukan Islam? Sia-siakah Islam dia ini kerana tidak duduk di bawah hukuman hudud?

Sebab itu, saya ingat soalan yang Ustazah berikan ini, saya hendak panjang lebar lagi dalam.....

Tuan Yang di-Pertua: B. 17.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: B.43. Ini B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. B. 43 - Kementerian Undang-undang. Saya hendak sentuh sedikit perkara ini kerana saya tengok PAS ini, dia membawa Undang-undang Hudud dia sahaja - hudud PAS. Dia tidak mengambil kira apa yang hendak berlaku kepada kita. Kalau sekiranya rakyat tidak faham, tak usahkan rakyat yang bukan Islam? Rakyat Islam sendiri pun tidak faham. Sebab itu, yang ini saya hendak bangkitkan dalam B. 43. Izinkan saya balik kepada Kementerian Belia dan Sukan ini.

Jadi, Kementerian Belia dan Sukan ini terpaksa diberi duit banyak, berilah. Sebab ini merupakan satu platform yang mana boleh menyatupadukan negara Malaysia kita yang berbilang bangsa dan berbilang kaum ini. Saya tengok contoh, kita semua lihat apabila kita berlawan di Thomas Cup pada tahun lepas, Malaysia lawan China. Mana ada orang Cina sokong negara China? Orang Cina rakyat Malaysia, dia sokong Malaysia. Bersungguh-sungguh! Yang kita pelik bila datang 'final' - Malaysia lawan Indonesia - kita tengok orang Melayu kulit macam kita, sokong Indonesia pula, bukan sokong Malaysia. Ini menunjukkan warna kulit belum tentu lagi patriotik dia kepada negara Malaysia kita. Khususnya kepada orang-orang bumiputera, saya hendak beritahu. Jangan terlalu yakin dan 'confident'. Kalau tengok dia rupa Melayu, dia mesti kuat sokong Malaysia. Belum tentu!.

Saya tengok dalam pertandingan Malaysia lawan Indonesia, yang ramai orang Indonesia - setengah daripada mereka bekerja dan cari rezeki di sini, dan setengah daripada mereka pun mungkin sudah jadi 'permanent residents' di sini, Tetapi bila Indonesia lawan Malaysia, dia sokong Indonesia. Tetapi orang Malaysia - rakyat India; orang Malaysia - rakyat Cina; orang Malaysia - orang Melayu, orang Malaysia - Kadazan dan Iban, dia sokong Malaysia. Sebab itu, sukan ini penting. Dan kita jangan kedekut apabila kita hendak beri duit kepada sukan ini. Kerana ini yang saya nampak satu 'platform' . yang boleh menyatupadukan bangsa Malaysia kita. Jadi, teruskanlah.

Cuma nasihat saya - kepada ahli sukan, tidak apa. Saya tengok pegawai-pegawai Persatuan Sukan ini sebenarnya mereka tidak mendatangkan keuntungan kepada sukan ini. Ahli sukan, okay. Tetapi persatuannya, sesama pegawai-pegawai berkelahi. Jadi, orang ini yang hendak menjadi Presiden atau Timbalan Presiden, dia berkelahi. Disabitkan oleh kerana dia berkelahi, maka persatuan tidak boleh bergerak. Bila persatuan tidak boleh bergerak, yang terjejas ialah prestasi yang dilakukan oleh para atlet kita. Sebab itu, kita kena fikir satu mekanisma di mana kita harus kurangkanlah politik dalam persatuan ini. Saya tengok kadangkala pegawai-pegawai persatuan sukan ini, dia lebih mementingkan kepada diri dia. Saya membaca laporan berkenaan dengan persatuan atlet-atlet kita yang pergi ke Manila. Saya baca laporan - saya kata ada seorang pegawai di situ yang lebih mementingkan tentang perniagaannya dan mengambil kesempatan pergi ke Manila untuk membuka jalan untuk dia berniaga daripada menjaga kepentingan atlet ini.

Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, politik dalam persatuan sukan ini kita harus lihat dan cuba fikirkan cara mana untuk kita boleh mengurangkannya kerana apa yang dibuat itu boleh menjejaskan prestasi atlet-atlet kita. Yang kita tengok macam badminton, kalau tidak dijaga politik dalam persatuan itu, boleh menjejaskan prestasi kita apabila kita hendak mempertahankan Thomas Cup pada tahun hadapan. Ataupun persatuan lainlah, kita tengok. Seharusnya persatuan itu mesti mengambil kira kepentingan pemain-pemain itu. Saya berharap supaya pegawai-pegawai juga jangan curi 'glamour' pemain-pemain kita ini. Kalau pemain kita berjaya, berilah segala pujian kepada dia. Ini kadangkala saya tengok pegawai ini lebih daripada pemain. Yang setengah mati bermain itu ialah pemain. Tetapi bila datang hendak mengambil cup atau apa-apa, pegawai pergi dahulu.' Apa hal pemain ini dia yang bersungguh-sungguh.

Jadi oleh kerana itu, pada waktu dan ketika di mana dia hendak mendapat penghargaan dan pujian, maka kita harus beri kepada dialah. Saya pun turut bangga kerana Malaysia boleh menang di mana-mana pun tetapi saya rasa apabila pemain sudah berjaya, kalau hendak lebih 'glamour', keria beri pujian dan surat khabarkah, berilah kepada 'players'. Apa yang kita.....

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Jadi, sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi, pegawai ini lebih lagi daripada pemain. Sebab itu, banyak terjejas prestasi yang dilakukan oleh

pemain-pemain disabitkan oleh kerana politik yang begitu kuat yang berlaku dalam persatuan-persatuan ini. Pegawai-pegawai - dia tidak kira, dia tahu dia hendak menjadi Presiden sahaja. Sama ada pertandingan itu akan menjejaskan persatuan dan seterusnya menjejaskan pemain, dia tidak peduli. Sebab dia hendak menjadi Presiden.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini bahawa memandangkan kerana sukan ini merupakan satu 'platform' yang begitu penting, yang boleh mengharumkan nama negara kita, yang boleh menyatupadukan rakyat kita yang berbilang kaum, berbilang agama dan budaya, maka oleh kerana itu harus kita fikirkan cara mana untuk memastikan supaya politik yang berlaku dalam persatuan-persatuan sukan ini hendaklah banyak, bukan sahaja dikurangkan tetapi, kalau boleh kita hapuskan kerana mereka itu tidak penting. Yang penting ialah pemain, kerana pemain itu boleh mendatangkan perasaan bangga kita terhadap negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, RM28.953 juta telah dikeluarkan peruntukan di bawah tajuk B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya sememangnya menyokong kuat usaha Kerajaan kita untuk memasarkan barangan Malaysia dan juga memasarkan negara Malaysia kita sebagai satu tempat yang mana harus mereka melaburkan dan mendirikan industri-industri bagi tujuan pada akhirnya nanti akan menguntungkan negara kita ini. Walau bagaimanapun, kita harus mengambil pelajaran daripada apa yang telah berlaku kepada kita tidak berapa lama dahulu. Walaupun Kabinet telah membuat keputusan bahawa soal Malaysia dengan Australia ini telah pun ditutup,

saya sokong, kerana Kabinet merupakan satu Jawatankuasa yang tertinggi untuk membuat keputusan yang ada kaitan dengan negara kita. Namun, saya merasakan ada sedikit-sebanyak saya hendak memberi pandangan di sini supaya di masa-masa yang akan datang kita boleh kawal sedikit-sebanyak tentang hubungan ekonomi kita dengan negara-negara yang sememangnya daripada awal lagi telah menunjukkan bahawa tidak ikhlas dan merasa cemburu terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia di waktu dan ketika ini.

Australia adalah sebuah negara yang mana memang kita banyak mempunyai masalah dengannya. Masalah perbezaan budaya, masalah perbezaan cara pemikiran dan macam-macam lagi. Kita sebagai sebuah negara yang boleh berdikari seharusnya ingat mesti belajar daripada pengajaran yang lepas. We must learned from our lesson. Seorang yang tidak belajar daripada lesson yang dia alami, sudah tentu dia akan terjebak sekali lagi kepada masalah yang sama di masa yang akan datang,

Walaupun kita memang menggalakkan supaya kita berdagang bebas dengan mana-mana negara, namun kita harus ambil kira hubungan dengan sebuah negara yang telah terjejas disabitkan oleh perbuatan pemimpin mereka itu senantiasa mesti ada dalam kepala kita. Sebab itu, walaupun kita bebas berniaga tetapi kita kena ingat bila datang tentang negara ini kita harus kawal, harus 'cautious', dengan izin, sebab kita sudah lihat dan tengok bahawa negara ini memang tidak ikhlas dan ini bukan satu-dua Perdana Menteri dia. Perdana Menteri dia berbeza; Perdana Menteri dia dulu lain dan sekarang lain, tetapi pemikirannya sama. Kita tengok Australia ini telah banyak melakukan

peristiwa-peristiwa yang menyebabkan ramai orang mempunyai pandangan serong terhadap negara kita. Kita bermula dengan dahulunya dia mula-mula marah kepada kita disabitkan oleh kerana dua rakyatnya telah ditangkap kerana mengedar dadah.

Kita adalah negara yang berdaulat. Barang siapa yang mengedar dadah di tanah air kita lebih daripada jumlah yang telah ditentukan oleh undang-undang, maka kita gantung dia, tidak kiralah sama ada dia Melayukah, Cinakah, Indiakah, Ibankah, Kadazankah ataupun kalau dia merupakan orang yang berkulit putih. Kita merasa begitu dukacita dengan sikap Australia apabila dua orang rakyatnya ditangkap kerana mengedar dadah. Dia kata, dia menghormati undang-undang, tetapi dia menghormati undang-undang dia sahaja. Tetapi di Malaysia, kita ada undang-undang kita. Jadi, walaupun rakyat dia salah, maka dia tidak peduli, sebab dia rasa oleh kerana orang Australia ini berkulit putih, walaupun 'penyangak' sekalipun - dengan izin, bolehkah saya gunakan perkataan itu - walaupun itu, dia tidak peduli, asalkan kalau orang kulit putih, memang tidak boleh kena gantung. Jadi, itu yang dia marah kepada kita, tetapi kita peduli apa? Rakyat kita pun kita gantung. Inikan pula kalau rakyat lain datang mengedar dadah, hendak beri orang kita menagih dadah, kita gantung lagi. Jadi, bendanya sama kepada kita, tetapi dia tidak nampak begitu. Itulah mula dia marah kepada kita.

Kemudiannya macam-macam, dia membuatkan filem-filem seperti 'Slow Boat from Surabaya', 'The Embassy Role', 'The Turtle Beach'. Filem 'The Turtle Beach' kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini seolah-

olah, khususnya orang Terengganulah, dia tunjuk orang Terengganu ini, apabila orang Vietnam turun daripada bot, dia potong terus kepala. Saya tidak tahu perkara ini berlaku. Mungkinkah ini berlaku di Terengganu? Tidak ya - Tidak! Tetapi inilah yang digambarkan mengenai orang-orang Malaysia kita. Apakah hasrat dia? Kerana untuk menunjukkan kepada dunia seolah olah negara kita ini 'barbaric', dengan izin, supaya pelabur-pelabur jangan datang ke negara kita. Negara ini macam 'banana republic'. Dalam filem 'The Embassy Role' dia mengatakan negara yang 'barbaric' ini adalah di antara Singapura dengan Thailand. Jadi, Malaysialah itu. Mana ada negeri lain di antara Singapura dengan Thailand? Tetapi dia kata negara itu terletak di antara Singapura dengan Thailand dan menunjukkan seolah-olah kita ini 'barbaric'. Tujuannya ialah kerana hendak mengelakkan orang daripada memilih Malaysia untuk menjadi tempat pelaburan mereka. Jadi, niat ini telah dilakukan dan telah pun dibuat oleh mereka.

Oleh kerana itu, di masa-masa yang akan datang kita harus ingat, dalam kita ghairah untuk hendak memasarkan Malaysia ini kepada dunia luar, dalam kita ghairah soal kebebasan untuk berdagang, jangan sampai orang mencemar maruah kita. Kita juga sanggup, tidak kiralah dia buat macam mana terhadap kita pun, kita hendak berniaga dengan dia. Kita mesti ada maruah.

Sebab itu apa yang telah dilakukan oleh Encik Keating baru-baru ini, saya ingin menyatakan bahawa ini satu perkara yang tiadak boleh kita terima. Saya merasa bangga kerana dengan berlakunya apa yang dilakukan oleh Keating ini telah menunjukkan bahawa dalam soal ini rakyat Malaysia

berbilang kaum tidak kira apa yang dirasai oleh mereka apabila Encik Keating ini menghina Perdana Menteri kita, maka kita semua merasa seolah-olah kita terhina. Daripada UMNOnya, Parti MCAny, Parti MICnya dan juga Pembangkang dengan satu suara. Ini menunjukkan bahawa negara Malaysia kita adalah sebuah negara yang bermaruah. Tidak mungkin kita sanggup berdagang dengan sebuah negara itu kalau pemimpin negara itu telah menghina pemimpin kita. Sebab itu saya merasa gembira apabila perkara ini berlaku selama lebih seminggu, kita tengok bahawa ada satu penyatuan perasaan di kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum ini di mana mereka merasakan bahawa mereka yang terhina, walaupun Perdana Menteri Malaysia kita yang terkena, tetapi setiap kita sebagai rakyat Malaysia yang cinta kepada negara kita ini merasa seolah-olah kita sendiri yang terhina oleh kenyataan itu.

Kaitannya dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini, jumlah wang yang telah diberikan untuk MATRADE bagi tujuan untuk membayar gaji dan juga membuka pejabat di mana-mana negara mesti diambil kira, iaitu dalam kita mendukung soal kebebasan berdagang, kita 'must learn a lesson', dengan izin, dan kita mesti kawal dan sentiasa berjaga pada setiap waktu supaya jangan kita disabitkan oleh kerana hendak mengejar sangat kebebasan berdagang ini, maka kita sanggup berdagang dengan sebuah negara yang cemburu kepada kita, yang dengki kepada kita dan yang tidak menghormati tentang budaya dan juga undang-undang kita.

Setiap perdagangan itu mesti ada maruahnya. Jangan sampai orang menghina kita pun, kita hendak

berniaga dengan dia juga. Saya kalau orang hina saya, saya tidak mahu langsung pandang muka dia. Sebab itu, kalau kita berdagang pun, jangan kita merendahkan martabat kita, sampai orang meludah kita pun, oh! tidak mengapa demi kepentingan berdagang yang bebas.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! Silakan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar bahawa untuk menjaga maruah, penghinaan yang dilakukan oleh Keating kepada Perdana Menteri kita, kita mesti mengambil tindakan. Jadi, suara daripada Datuk Haji Mohamed Nazri, kita dapat mendengar di seluruh tanah air kita meminta supaya Keating meminta maaf. Selagi Keating tidak meminta maaf, Pergerakan Pemuda UMNO akan mengambil tindakan selanjutnya. Sudahkah Keating meminta maaf? Jika tidak, sudahkah Pergerakan Pemuda UMNO berpuas hati terhadap jawapan-jawapan Keating terhadap penghinaan yang diberinya kepada kita?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa Pergerakan Pemuda UMNO telah mengambil tindakan apabila kita melihat TV Malaysia telah memaparkan tindakan kurang ajar yang telah dilakukan oleh Keating itu. Apabila kita melihat Perdana Menteri kita diminta untuk memberi pandangannya terhadap kenyataan Keating itu, bagi kita Pergerakan Pemuda UMNO, kita nampak suatu perasaan yang begitu terhina dan

dukacita yang dirasakan oleh Perdana Menteri kita. Apabila dia merasa dukacita dan rasa terhina, maka kita juga Pergerakan Pemuda UMNO merasa dukacita dan juga terhina. Sebab itu, kita telah memanggil mesyuarat untuk mengambil keputusan iaitu kita menuntut supaya Keating memohon maaf kepada Perdana Menteri. Kalau dia tidak berbuat demikian, dia mesti menunjukkan dan menceritakan atau menyatakan perasaan kesalnya (regret) disabitkan oleh kerana kenyataan itu telah menyebabkan Perdana Menteri kita merasa terhina.

Jadi, oleh kerana kita merupakan satu Pergerakan yang sentiasa peka kepada perasaan Perdana Menteri kita, maka apa yang dirasakan oleh dia, adalah dirasakan oleh kita. Kalau dia merasa dukacita, dukacitalah kita. Kalau Perdana Menteri merasa terhina, maka terhinalah kita.

Jadi, sebab itu, apabila soal ini telah berjalan seminggu, ada surat daripada Keating menjelaskan mengapa dia membuat kenyataan demikian. Kemudiannya ada keluar televisyen di Melbourne yang mana Mr. Keating ini telah menyatakan "Dia rasa kesal, kalau sekiranya kenyataannya itu telah pun menyebabkan Malaysia merasa tersinggung". Maka apabila dibawa dalam mesyuarat Kabinet, Perdana Menteri dan rakan-rakan dalam Kabinet telah membuat keputusan bahawa mereka merasa sudah cukup iaitu bahawa kenyataan Keating di Melbourne yang merasa kesal itu boleh diterima, surat penjelasan itu juga boleh diterima, maka Kabinet merasakan perlu bahawa kes itu ditutup. maka kita, Pergerakan Pemuda UMNO sebagai orang yang menyatakan perasaannya disabitkan oleh kerana kita lihat perasaan

dukacita dan terhina itu ada kepada Perdana Menteri kita, kita merasa peka kepada perasaannya. Kalaulah Perdana Menteri merasakan bahawa itu sudah cukup dan sesuai, dengan apa yang telah dilakukan oleh Mr. Keating dalam kes ini, maka itu sudah pun terbaiklah untuk kita, Pergerakan Pemuda UMNO.

Kalau Perdana Menteri merasa masih terhina, sudah tentu kita akan terus dengan perkara ini. Tetapi oleh kerana Perdana Menteri menyatakan bahawa tidak mengapalah, ini pun sudah selesai. Dta pun ada mengatakan bahawa memang dibaca tentang kenyataannya di Melbourne, Mr. Keating memang telah menyatakan rasa kesal kalau sekiranya kenyataannya itu telah menyinggung perasaan Malaysia dan Perdana Menteri merasakan ini sudah cukup, maka kalau cukup kepada dia, cukuplah kepada kita. Sebab, yang kita buat ini pun disabitkan oleh kerana kita merasai apa perasaan dia.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri mengenai apa yang telah diperkatakan bahawa pihak beliau sendiri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpuas hati dengan kenyataan Keating baru-baru ini dalam apa yang dinyatakan bahawa beliau kesal di atas apa yang telah berlaku. Apakah pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri apabila perkara ini sudah dianggap selesai? Apakah perkara tindakan yang telah dilakukan sebelum ini mengenai pemuluan beberapa

perkara termasuklah oleh agensi-agensi Kerajaan kita di Malaysia ini dalam hubungan dengan Kerajaan Australia sendiri? Apakah perkara ini akan diteruskan ataupun pada pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, perkara ini akan dipulihkan semula?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, badan yang tertinggi untuk membuat keputusan berkenaan dengan perkara-perkara seperti ini adalah Kabinet Malaysia kita. Kalau sekiranya Kabinet telah membuat keputusan bahawa perkara ini telah ditutup, maka saya rasa kita harus akur dengan keputusan ini. Kalau tidak, dia berbalik-balik, tidak ada kesudahannya. Sebab itu, jawapan saya kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah sebentar tadi, tindakan kita berasaskan kepada perasaan peka kita kepada perasaan Perdana Menteri. maka kalau baik kepada Perdana Menteri, baiklah kepada kita. Kalau dia masih merasa terhina, maka terhinalah kita. Sebab itu, kalau dia membuat keputusan mengatakan bahawa bagi dia dan rakan-rakan dalam Kabinetnya merasakan sudah cukup, maka cukuplah untuk kita. Sebab yang kena ini kepada badannya, orang yang tuannya badan itu merasa dan dia kata okay, okaylah.

Saya rasa untuk Pergerakan Pemuda UMNO untuk membuat lebih daripada itu, itu seolah-olah tidak menghormati keputusan daripada badan yang tertinggi dalam soal ini. Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kita haruslah berhati-hati di masa-masa yang akan datang. Jangan terlalu ghairah sangat. Memang betul kes sudah tutup tetapi kita harus berhati-hati dalam soal hubungan kita dengan

negara-negara yang mana tidak ikhlas kepada kita.

Pada pandangan saya dalam soal MATRADE ini, saya ingin memperingatkan kepada mereka bahawa kebebasan perdagangan tidaklah merupakan, dengan izin, the paramount question dalam hal ini. Soal maruah negara kita juga mesti diberikan satu pertimbangan yang tinggi dalam soal hubungan perdagangan di antara kita dengan negara lain.

Jadi, saya menyokong wang yang dikeluarkan untuk MATRADE ini dengan satu 'caveat' iaitu bahawa dalam kita mengejar kebebasan berdagang ini, jangan sampai kita melupakan tentang untuk mempertahankan maruah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, B. 22 berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita harus memperhebatkan lagi berkenaan dengan pelancongan dalam negeri kita ini. Jumlah wang yang dibelanjakan begitu banyak untuk mengiklankan Malaysia kepada orang luar untuk melancong ke negara kita. Kita tengok bahawa sejumlah besar RM7 juta digunakan untuk kenaikan sewa dan bermacam-macam lagi. Ini kerana semata-mata untuk memastikan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita dapat menjalankan tugas mereka dengan baik.

Selain daripada itu, perbelanjaan ialah untuk mengiklankan Malaysia bagi Tahun Melawat Malaysia 1994 nanti ;Walaupun memang penting untuk kita melihat supaya pelancong-pelancong luar akan datang ke negara kita ini, namun saya merasakan bahawa

pelancongan dalam negara itu sendiri, harus dipertingkatkan. (*Tuan Ding Seling keluar dari Dewan*) Saya berkesempatan untuk pergi ke Negeri Sarawak. Yang Berhormat sudah keluar, saya baru hendak bercakap fasal Sarawak. Saya membuat lawatan ke Sarawak. Apabila saya pergi ke sana, saya tengok bahawa daripada segi tempat-tempat yang boleh menarik perhatian tourists begitu banyak. Saya merasakan bahawa tempat-tempat yang disediakan di Sarawak ini, adalah lebih baik daripada tempat-tempat tourist yang ada di negara iuar. Sebab itu kepada saya, pelancongan (tourism) dalam negara ini sendiri harus digalakkan. Daripada kita membelanjakan wang yang begitu banyak untuk melawat negara luar, lebih baik kita melancong dalam negara kita, kerana banyak lagi terdapat tempat-tempat di negara kita ini yang merupakan pusat-pusat pelancongan yang menakjubkan.

Sebagai contoh, saya pergi ke Bintulu. Di Bintulu hanya satu nama kepada saya sahaja, iaitu nama sebuah pekan. Apabila saya pergi ke sana, saya melihat kecantikan alam semula jadi yang ada di Bintulu. Kita juga difahamkan iaitu ada apa yang dikatakan Gua Mulu yang berdekatan dengan Bintulu di Sarawak, yang mana kita diberitahu gua ini boleh diisikan dengan beberapa buah 'jumbo' yang begitu besar, lebih besar daripada tempat kapal terbang yang ada di Subang. Kalau tidak silap saya beberapa buah kapal terbang 'jumbo' boleh ditempatkan di situ, letak di satu masa yang sama. Ini bermakna banyak tempat yang boleh kita pergi.

Kalau di Australia ada 'Crocodile Dundee', di Sarawak ada 'Bujang Senang', sungainya besar. Kalau mahukan kepada adventure, Sarawak

lebih baik daripada Northern Territory, Australia - Wakil Rakyat dari Sarawak - ada.

Memang di Sarawak ini banyak tempat yang kita boleh lawat. Itu kita bercakap tentang Sarawak. Bagaimana pula di tempat-tempat lain lagi, di Sabah, Di Sipadan, di Ligatan. Jadi ini menunjukkan bahawa kesungguhan kita untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negara untuk melawat negara kita, saya yakin dan percaya ramai di kalangan kita rakyat Malaysia ini pun belum sempat lagi ataupun belum lagi dapat melihat tentang kecantikan negara kita sendiri. Jadi, sebelum kita membelanjakan wang kita untuk pergi ke luar negara, lebih baik kita belanjakan untuk pelancongan dalam negara kita ini. Hotelnya cantik.....

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Penjelasan. Setujukah Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, sekiranya Kerajaan dapat menghantar rombongan Ahli Dewan Negara ini pergi ke Sarawak kerana kita semua tidak terdaya seperti Datuk Haji Mohamed Nazri?

Datuk Haji Mohammed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau dilihat soalan Yang Berhormat Datuk, tidak terdaya hendak ke Sarawak, tetapi saya dengar ada juga pergi ke Mekah, pergi ke luar negara. Saya dengar Medan, yakah Datuk?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tidak ada.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada. Kalau kita

boleh pergi ke Medan, ke Phuket, kita upaya untuk pergi ke sana, ke Jakarta, Sarawak ini dalam negara kita, takkan kita tidak upaya?

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad sebut tentang gua itu agaknya tak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Gua. Gua besar - boleh. Kalau tidak silap saya, saya ingat pada tahun ini atau tahun lepas kita melawat Sarawak, tetapi kita boleh melawat lagi tidak ada masalah. Kita boleh tengok tentang kecantikan di sana dan tidak perlu sebut negeri Sarawak, negeri Datuk Haji Ahmad Abdullah sendiri pun.....

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Abdullah tidak faham masuk lubang guakah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Tidak faham lubang gua. Melaka ada kapal, dia buat kapal Portugis. Di Mulu Cave mereka kata boleh masuk kapal terbang. Jadi, saya tidak tahu di Pelabuhan Melaka, berapa buah kapal boleh masuk - saya tidak tahulah. Tetapi saya nampak ada kapal dekat situ. Walau bagaimanapun, inilah kecantikan pusat-pusat pelancongan dalam tanah air kita, Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini iaitu bahawa kita mengambil berat untuk mendapat ~~foreign~~ exchange dari negara luar masuk ke negara kita, kita juga harus ingat bahawa negara luar juga membuat benda yang sama kepada negara kita. Dia pun memasarkan pelancongan di negara kita dan duit yang kita bawa keluar, orang Malaysia pergi belanja lebih di sana. Sebab itu untuk mengelakkan 'foreign exchange flow' ini keluar dari negara kita, kita mesti menggalakkan pelancongan dalam negeri, di kalangan rakyat Malaysia kita ini. Dan ini harus

diperbesarkan lagi supaya rakyat Malaysia memahami bahawa ada tempat-tempat yang baik untuk dijadikan sebagai terapat pelancongan untuk rakyat Malaysia di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang ada menyediakan pasukan-pasukan kebudayaan kita yang membuat pertunjukan di restoran-restoran yang tertentu. Saya rasa perkara ini harus dipergiatkan lagi, ditambahkan peruntukan, kerana sememangnya saya tengok, di kalangan orang-orang yang datang daripada luar negara, untuk melancong ke negara kita, dia memang sungguh kagum dengan apa yang dipertunjukkan oleh pasukan kebudayaan kita. Saya rasa perkara ini tidak boleh diswastakan, tetapi peranannya mesti dimainkan oleh Kementerian, kerana kita bimbang kalau kita swastakan pertunjukkan di restoran-restoran ini, yang kita bimbang ialah kadangkala mereka mempertunjukkan satu budaya yang mungkin tidak serupa sepertimana yang sepatutnya budaya itu dipertunjukkan.

Saya berkesempatan untuk menjadi tuan rumah kepada parti PAP (Young PAP) dipanggil "PAPY" - <PAP Youth' ataupun 'Young PAP'. Jadi, saya telah pergi ke sebuah restoran - Restoran Seri Melayu, saya membawa mereka ke sana, saya ingat mereka orang Singapuara macam kitalah, dia faham budaya kita semua. Dalam pertunjukan itu ditunjuk segala tarian kebudayaan dan mereka merasa begitu seronok, sebab mereka kata Singapura ini 'City State', jadi soal budaya ini sudah tidak menjadi satu perkara yang diambil berat oleh mereka. Bila dia

lihat kita punya pertunjukan tarian (dance) itu, dia begitu kagum. Saya kadangkala dengan izin, take for granted, melihat mereka ini yang terdiri dari orang-orang Cina, orang India dan Melayu, saya ingat mereka sudah tengok benda ini semua. Tetapi dia rasa kagum, dia kata seumur dia, dia tidak pernah tengok ini. Ini orang Singapura yang cakap, dia tidak pernah tengok, jadi dia kata, ini patut diteruskan dan saya pun terkejutlah juga. Saya pun seronoklah sebab walaupun benda ini merupakan satu benda yang kita anggap sebagai biasa kepada kita, tetapi kepada orang yang tidak pernah melihat, ia hia luar biasa dan mereka tertarik dengan kelembutan dan kesungguhan kita menunjukkan tarian-tarian ini.

Saya merasakan bahawa Kementerian mesti terus mewujudkan pasukan ini. Ianya, tidak boleh diwastakan disabitkan oleh kerana kita takut nanti kebudayaan yang ditunjukkan oleh pasukan swasta ini mungkin satu tarian yang sudah dimodernise, melompat-lompat macam Michael Jackson dan sebagainya. Ini bukanlah budaya yang kita hendak tunjuk ialah budaya Malaysia kita. Sebab itu tanggungjawab ini mesti terus dipegang oleh Kementerian.

Saya begitu kagum juga melihat satu tarian orang-orang Penan di Sarawak yang dipertunjukkan di restoran itu yang saya sendiri tidak pernah tengok. Jadi bila ada tarian itu saya merasakan Malaysia ini walaupun mempunyai berbilang budaya tetapi kaya dengan budayanya. Ada juga tarian Kadazan yang ditunjukkan. Jika kita serah kepada swasta mungkin tarian Kadazan itu sudah jadi tarian yang dibuat-buat, direka-reka sahaja; yang tidak original. Sebab itu soal budaya ini mesti original.

Saya juga ingin menyatakan di sini, kalau ada tarian-tarian budaya yang

dipertunjukkan di restoran dan sebagainya, apa salahnya diselitkan satu tarian Cina, selit tarian India; saya ingat tidak ada masalah, kerana ini merupakan rakyat kita. Satu hakikat yang harus kita ingat bahawa walaupun ianya budaya China, tetapi ini budaya Cina Malaysia. Walaupun ini budaya Tamil, tetapi ini budaya Tamil Malaysia. Banyak perkara yang telah diMalaysiakan, yang tidak ada di China sendiri, yang tidak ada di India sendiri. Sebab itu kepada saya, saya rasa kita boleh selit satu tarian India dan tarian Cina.

Kalau ada tujuh, lapan tarian Melayu atau bumiputera, bubuh satu tarian Cina. Saya rasa ini tidak ada masalah. Ada perbezaannya di antara Cina Malaysia dengan Cina di China.

Baru-baru ini saya pergi ke Shanghai, China dengan kawan-kawan Cina Malaysia. Dia cerita kepada saya dia hendak buka satu restoran "Bak Kut Teh", dengan izin. Saya tanya dia, "Bak Kut Teh" ini satu makanan Cina, takkan tak ada di China? Dia kata, cuma Cina di Malaysia sahaja yang makan "Bak Kut Teh" ini, Cina di China tidak makan "Bak Kut Teh". Nampak! Ada benda-benda yang asli Malaysia, yang tidak asli China.

Apa yang saya hendak katakan di sini ialah, kita mesti menerima hakikat. Jangan dalam satu segi kita kata dia rakyat Malaysia tetapi dalam segi lain, "Ah! tiada". Tarian budaya Malaysia tidak masuk budaya Cina. Saya ingat ini tidak betul dan tidak adil. Kita sebagai orang Melayu yang beragama Islam, kita adil walaupun orang itu minority dan mereka sudah turun-temurun duduk di sini. Apa salahnya untuk dia menunjukkan satu, dua tariannya? Tidak ada masalah! Satu, dua tarian tidak boleh mempengaruhi kita untuk menjadi orang Cina atau orang India! Tetapi hakikat yang

sebenarnya ialah itu Malaysia! Sebab itu, dalam soal ini saya merasa bahawa Kementerian harus memikirkan dalam tarian-tarian kebudayaan yang dipertunjukkan di dalam pertunjukan-pertunjukan sama ada di restoran atau di mana-mana, kita selitkan juga tarian-tarian rakyat Malaysia kita yang bukan bumiputera. Mereka juga boleh memperkayakan budaya kita. Masjid Melaka tidak nampak langsung sebagai masjid kerana dipengaruhi oleh ukiran-ukiran Cina. Tetapi pada hari ini, memang itulah Masjid Melaka. Jadi, banyak daripada budaya kita juga telah diperkayakan oleh budaya-budaya lain. Semua ini adalah 'values' yang positif.

Sebab itu, dalam soal ini saya minta supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terus mengadakan Pasukan Kebudayaan ini dan hendaklah juga supaya dalam mana-mana pertunjukan yang kita buat, ianya tidak menjadi masalah untuk kita selitkan satu, dua tarian daripada masyarakat Malaysia yang bukan datang daripada golongan bumiputera kita.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 26, Pendidikan. Saya sebagai seorang ahli politik yang patriotik, yang cintakan negara, saya mahu melihat perkara-perkara yang boleh menyatupadukan masyarakat Malaysia di negara kita ini dilaksanakan dengan penuh serius dan kesungguhan. Ini berkenaan dengan soal Pelajaran Sivik. Kita belanja wang begitu banyak untuk Pendidikan, B, 26 - RM6 juta. Ini yang sekarang. Dahulu pun sudah ada tambahan juga. Jadi, wang yang kita belanjakan untuk Pendidikan ini begitu banyak dan ini bukan hanya setakat hendak memberikan ilmu sahaja, sebab itu kita tukar daripada Pelajaran kepada Pendidikan. Jadi, Pendidikan ini bukan hanya setakat hendak memberikan pelajaran Ilmu Alam, Ilmu Sejarah ataupun Ilmu Sains. Pendidikan juga

adalah berhubung kait dengan soal didikan kita sebagai rakyat Malaysia. Didikan kita supaya kita cintakan negara kita. Sebab itu, dalam soal sivik ini, mestilah diambil dengan begitu serius. Saya tengok di sekolah-sekolah, semasa saya di sekolah rendah dahulu, bila mari ke kelas Sivik, maknanya kelas 'relax'. Cikgu pun tidak berminat hendak mengajar. Bila waktu sivik sahaja datang cikgu, dia pun releks sahaja, tidak mengajar apa benda pun! Pada hal di situlah kita hendak mengajarsol 'civicconsciousness' yang harus ada di kalangan rakyat Malaysia kita. Tentang soal kebersihan, masa itulah kita kena ajar. Tangan kita kena bersih, kuku kita kena potong. Budak-budak kita kalau tidak dididik sedemikian rupa dia akan menganggap kebersihan itu sebagai satu perkara yang asing kepada dia. Kita kena ajar dia daripada kecil lagi, sebagaimana dia harus bantu-membantu di antara satu sania lain. Umpamanya, di Jepun saya difahamkan semasa mereka bersekolah, ada satu waktu bila time makan, mereka bergilir kena 'serve' kawan-kawan mereka. Misalnya, hari ini saya makan, maka Yang Berhormat Ding Seling kena serve saya dan dia tolong 'serve' semua orang. Besok, saya punya turn pula, dia makan, saya 'serve' dia. Daripada kecil dididik cara ini maka semangat kerjasama itu wujud dalam sanubari mereka. Itu merupakan satu daripada ciri-ciri bangsa Jepun. Sebab itu kita lihat orang Jepun, mana ada dia berdengki di antara satu sama lain. Tiada! Mana ada orang Jepun dekat sini kita cakap, "Dia ini tidak bagus!". Tidak ada. Orang Jepun tidak ada. Dia tidak ada mengeluarkan kata-kata buruk terhadap orang lain walaupun dia bersaing untuk mendapatkan satu tender. Dia tidak pernah memburukkan di antara satu sama lain. Cemburu tidak ada langsung.

Ini disebabkan daripada kecil dia sudah diajar. Inilah yang dikatakan pendidikan. Bukan pendidikan ilmu sahaja. Soal kebersihan, soal kerjasama, soal tidak tamak ini harus diajar semasa kecil lagi - bergotong-royong, cinta kepada negara. Ini semua mesti diajar. Sebab itu kita tukar, dahulu Kementerian Pelajaran sekarang jadi Kementerian Pendidikan. Kerajaan mengambil tanggungjawab untuk mendidik budak-budak ini dengan nilai-nilai yang baik. Sebab itu sekarang dinamakan Kementerian Pendidikan. Bukan soal ilmu sahaja - soal pendidikan, asuhan budak-budak itu.

Saya mahu tengok, wang yang dibelanjakan begitu banyak, apa guna kita tekan orang, dapat keputusan baik, dia keluar jadi 'Moron'. Dapat 10A, 11A tetapi tidak pandai berkawan dengan orang, duduk diam sahaja. Pakai cermin mata tebal sahaja, buat apa? Saya lebih suka kepada "all-rounder". Biar dia dapat 4A, 5A tetapi dia boleh bergaul dengan orang, dia ada didikan, dia boleh bercakap dengan orang. Saya tidak mahu "Moron". memang bagus dapat 10A, 11A, cermin mata tebal-tebal pun bagus, tetapi apabila dia balik dia jadi "Moron".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa istilah "Moron" itu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, "Moron" ini macam robot, dia tidak boleh berfikir sendiri. Program kepalanya begitu, macam itulah dia. Maknanya, daripada kecil diprogram dalam kepala dia daripada kecil untuk mendapat keputusan baik, itu sahaja tugas kamu. Jadi, kerja dia untuk mendapat keputusan baik. Dia baca buku tak habis-habis. "Moron"lah dia itu!

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi "Moronic".

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: "Moronic", Kita tidak mahu wujud satu masyarakat "Moron". Kita mahu mewujudkan satu masyarakat yang 'versatile', yang mempunyai ilmu tetapi dia boleh bercampur-gaul dengan orang ramai. Tidak ada masalah untuk meletakkan dia di satu-satu majlis. Setengah daripada kita, bila diletakkan dalam satu majlis, dia diam sahaja. Kalau orang tidak tegur, dia tidak tegur. Kita tidak mahu orang yang macam ini. Tidak ada kebaikan yang boleh disumbangkan oleh mereka yang hanya menjadi "Moron" sahaja.

Sebab itu dalam soal pendidikan Kelas Sivik ini, tolonglah berikan satu penekanan, kerana saya rasa memang penting kita mewujudkan anak-anak kita bukan sahaja dia berilmu tetapi dia penuh dengan semangat patriotisma, cinta kepada negara dan ada disiplin, ini penting.

Bercakap tentang disiplin ini, saya pun hendak menyebut sedikit berkenaan disiplin di sekolah ini. Saya rasa hendak tegur juga ibu bapa, saya pun juga seorang bapa. Kadangkala saya tengok, guru-guru kita takut - hendak pukul budak pun takut. Saya tahu cerita ini kerana saya jadi Pengerusi MARA. Disiplin di MRSM baru-baru ini teruk sedikit, sebab itu dalam disiplin ini saya mesti mahu tegas.

Dalam soal disiplin ini saya tengok di sekolah, guru-guru sudah takut hendak marah, hendak tegur budak-budak. Dahulu semasa zaman saya duduk di hostel Kolej Melayu Kuala Kangsar, dahulu kalau saya jahat - guru

beri pelemgang, 'pelemgang' ini sepak, saya balik beritahu kepada bapa saya: "Guru saya lempang saya", dia beri pelemgang nombor dua. Sebab dia kata: "Cikgu ini hendak membetulkan kamu - mesti kamu jahat punya". "Betul atau tidak"? "Betullah!"

Memang saya jahat. Memanglah Cikgu lempang saya, saya jahat sangat. Sekarang baiklah! Ini cerita dulu-dulu. Kalau Cikgu tidak lempang saya - saya akan merasai seolah-olah apa yang saya buat itu betul. Bila saya rasa apa yang saya buat itu betul, saya buat kepada orang lain. Sebab itu kita kadangkala sebagai ibu bapa, kita mendidik anak kita, kita manjakan anak kita, bila dia pergi ke sekolah, kita pula berharap guru pun 'treat' dia macam mana kita 'treat' anak kita - mana boleh?

Ada seorang ibu bapa, dia datang kompelin kepada saya berkenaan anaknya di MRSM. Dia kata "Yang Berhormat, daripada besar ini anak saya, sampai dia besar - saya tidak pernah pukul dia pun - ini Cikgu pukul dia!" Saya kata: "Memang patutlah dia jahat, mak cik tidak pernah pukul dia". Kalau sudah tidak hendak Cikgu pukul dia, jangan hantar ke MRSM, pergi hantar ke sekolah lain. Sebab dia rasa kalau dia tidak pernah pukul anak dia, dia ingat anak dia baik sangat. Jadi, bila pergi ke sekolah, dia ingat guru-guru pun kena jaga anak dia macam mana dia jaga anaknya. Mana ada masa - ada 600 penuntut lain yang hendak dijaga oleh guru.

Jadi, masalah disiplin ini saya rasa, ibu bapa bukan saya hendak menyalahkan kepada Kementerian, tetapi Kementerian mesti tegas - yang mana nakal, jahat, beri balik 'public canning' ini; yang sekian lama telah diberhentikan-masukkan balik. Siapa

yang melakukan kesalahan disiplin yang teruk, pukul di depan orang ramai, rotan dia. Itu bukan kerana kita benci kepada dia, perkataan Inggeris ada kata, 'Sometimes to be kind, you have to be cruel'. Ini Headmaster beritahu kepada saya. Dia kata kepada saya: "Nazri, to be kind, you have to be cruel". Jadi, buat apa - "Saya kena pukul you!" dia kata. Nampaknya dia cruel kepada saya, tetapi sebenarnya he was kind to me because later on saya realised dia betul, saya salah. Sebab itulah soal disiplin di sekolah kita kena jaga betul-betul, jangan kompromi. Saya ingat tidak ada guru yang menjadi seorang pendidik yang benci kepada murid-murid - saya rasa tidak ada seorang guru yang datang ke sekolah, memang hari ini dia fikir, 'budak mana yang aku hendak pukul pada hari ini'? - Tak ada. Melainkan kalau budak itu betul jahat. Kalau orang yang tidak suka budak-budak dia tidak jadi guru. Daripada dia hendak dapat gaji sebanyak itu baik dia pergi ke tempat lain, dengan susah menjaga anak orang lagi. Jadi, saya hendak angkat topi kepada guru-guru, saya hormat guru-guru. Yang salah ibu bapa ini yang manjakan anak mereka, bila anak hendak pergi ke sekolah, dia ingat anak dia, macam mana dia jaga anaknya di rumah, macam itulah guru hendak menjaga dia. Pukul tidak boleh, itu tak boleh, budak jahat pun tidak mengapa.

Jadi, saya hendak supaya kalau boleh, oleh kerana kita membelanjakan wang begitu banyak untuk pendidikan, oleh kerana kita mahu disiplin dalam sekolah-sekolah, Kementerian kena serius sedikit untuk memikir supaya mengembalikan soal rotan. Bukanlah saya kata kalau rotan public ini boleh disiplin tetapi sekurang-kurangnya

kalau ada budak buat jahat, kita rotan dia, biar dia faham sedikit tentang kesalahan dia. Kalau dia buat jahat kita tidak tegur dia, dia dok ingat sampai bila-bila dia betul. Pergi cerita bapa dia, bapa dia pun memihak kepada dia - marah kepada Cikgu. Sekarang Cikgu sudah takut hendak berbuat apa-apa. Ini sudah jadi macam di United Kingdom yang mana guru tidak dapat kontrol ke atas murid-murid. Saya pernah masuk sekolah di sana - Comprehensive School. Saya tidak tahan, saya lari balik ke sini - Tingkatan 6 saya pergi Comprehensive School di London. Saya lihat di sana, budak baling buku kepada Cikgu, Cikgu kata - okay. Cikgu takut. Sebab apa? Liberal di United Kingdom. Sebab itu hingga ke hari ini, kita lihat pendidikan di United Kingdom memang teruk di peringkat sekolah menengah ke bawah.

Oleh kerana itu Kementerian Pendidikan mesti tegas, kalau boleh soal disiplin ini kita kena disiplin budak-budak ini daripada kecil lagi, jangan sampai ke satu tahap dalam masyarakat kita yang mana Cikgu takut kepada murid. Saya rasa kalau Cikgu sudah takut kepada murid-murid, saya ingat - habislah, tutup terus sekolah. Itu tahap bahayalah kalau Cikgu takut kepada murid-murid. Murid-murid takut kepada Cikgu - ya. Saya takut Cikgu saya. Cikgu saya pendek daripada saya, saya sudah takut dengan dia - ini masa dahulu. Pada hal kalau hari ini saya fikirkan, saya lebih tinggi dari dia, saya ketuk kepala dia memang dia habis punya, tetapi takut - akhirnya dia menguntungkan kita. Tuan Yang di-Pertua, itu B. 26 - Kementerian Pendidikan.

Kepala Bekalan B.43 - Kementerian Undang-undang. Yang ini yang saya hendak bercakap berkenaan dengan

hukum hudud ini yang mana kita difahamkan bahawa Kerajaan PAS di Kelantan telah memperkenalkan hukuman hudud. Masalahnya kepada kita orang-orang Islam di negara Malaysia kita ini, kita menganggap apa yang PAS hendak buat ini - itu semua Islam. PAS Islam dan Islam itulah PAS. Sebenarnya, saya percaya di kalangan kita di sini, yang pernah pergi ke Dewan Rakyat, kita tengok telatah orang-orang PAS ini pun tidak melambangkan tentang ketinggian ilmu ke Isiamannya. Dia biasa macam orang Barisan Nasional jugalah, semua politik sahaja. Tetapi yang lebih Barisan Nasional ini ialah kerana kita tidak sanggup hendak menggunakan agama untuk kepentingan politik kita, tetapi PAS itu terbalik. Dia sanggup menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka. Sebab itu dalam apa-apa juga yang dia buat semuanya dikaitkan dengan Islam. kalau apalah kesan daripada perbuat mereka itu akan menjejaskan Islam itu sendiri - mereka tidak peduli asalkan dia menang dalam pilihanraya. Kita mesti ikhlas apa yang hendak kita buat. Ini soal hudud, apabila bangkit sahaja soal semua takut. Orang Islam kata: "Oh! tidak boleh hendak cakap". Sebab kalau kita cakap, kita bincang - kita tidak bersetuju dengan hudud. Siapa yang tidak bersetuju? Hudud ini hudud PAS ini.

Saya rasa dalam soal ini kita harus bangun dan kita bincang dan kita cakap. Sebab kalau kita tidak bincang dan tidak cakap tentang soal hudud ini maka sudah tentu ia 'by default' orang akan menganggap bahawa apa yang dibuat itu. Kita mesti bangun. Dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan pada hari ini adakah semua Ahli Dewan Undangan Negeri - PAS, S. 46 itu semuanya tok guru belaka? Tidak ada! yang penyangak pun ada, dengan izin. Saya kenal mereka. Tetapi

bercakap tentang hudud oleh kerana dia parti PAS semua percaya, boleh diterima. Kita mesti berani bangun dan kita mesti kaji, kalau tidak sepertimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, 'we will lose by default'. Apabila kita tidak bincang, apabila kita tidak bahas, maka dengan 'acquiescence' - senyap bermakna bahawa kita bersetuju apa yang mereka buat itu adalah hukum yang sebenarnya harus dilakukan. Yang ini kita kena bincang. Kita kena kaji, sebab Islam ini banyak pandangannya. Bukan pandangan PAS itu sahaja yang betul. Apa yang dia cakap tentang Islam itulah - tidak semestinya. Islam itu pun ada empat mazhab berdasarkan kepada interpretasi tentang al-Quran dan juga tentang Hadith.

Jadi, kalaulah 1,200 tahun dahulu orang yang paling hampir kepada perkembangan Islam pada ketika itu juga ada perbezaan pendapat dalam soal interpretasi Islam ini, takkan kita ini selepas 1,400 tahun kita hendak kata apa yang PAS cakap itu - itulah Islam. Tidak boleh! Sebab itu kita jangan takut, tidak semestinya apa yang PAS cakap itu adalah benar, Sebab apa yang saya telah sebut sebentar tadi bahawa kita ada 4 mazhab yang berbeza interpretasi berkenaan dengan hukum-hukum tertentu. Dan perbezaan ini berlaku di kalangan tok-tok-guru yang handal pada ketika itu. Apa PAS - ni! Sampai langsung takut berdiri hendak bercakap tentang apa yang telah diperkatakan oleh dia. Mereka pun orang politik macam kita juga. Tetapi kita ini baik. Kita akan menggunakan politik untuk agama kita daripada kita menggunakan agama untuk politik kita.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri kalau saya katakan bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional tidak menentang hudud. Tetapi yang kita ingin bertanya dan kita pertikaikan ialah hudud yang dipolitikkan oleh PAS, kerana hukum hudud adalah merupakan salah satu daripada janji-janji PAS dalam pilihanraya yang lalu. Jadi, sejauh manakah keikhlasan PAS dalam pelaksanaan hudud di negeri Kelantan khususnya? Setujukah Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri dan apakah pandangan mengenai perkara ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai orang Islam, saya tak tentang hudud. Tetapi saya tentang waktu dan suasana adalah tidak kena pada hari ini. Sebab? Saya hendak ceritalah, saya bukanlah pandai sangat, tapi Ustazah kena tegurlah saya yang mana saya tak betul. Kalaulah hudud itu merupakan satu perkara yang mesti kita buat, wajib, mengapa ia tidak jadi rukun Islam. Rukun Islam yang saya tahu lima sahaja, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang lima waktu satu hari, puasa di bulan Ramadhan, bayar zakat dan naik haji. Ini lima pokok - yang keenam mana ada hudud, tidak ada. Kalaulah perkara ini satu tuntutan yang mesti tiap-tiap orang Islam kena buat, tak kira sama ada memerintah atau tidak memerintah, maka harus dimasukkan dalam hukum Islam, sampai enamlah semuanya. Tetapi ini lima sahaja rukun Islam.

Jadi, bermakna ada tingkat-tingkat dalam hukuman Islam. Ada yang mesti - setiap orang Islam, hukum yang lima ini tidak boleh tidak. Kalau mengaku orang Islam, rukun yang lima ini mesti

kena buat. Lepas itu ada tingkat yang bawah, dan hukum hudud itu adalah di bawah. Kalau kita katalah hudud ini mesti dibuat, macam mana dengan orang Islam yang duduk dalam negara yang mana dia merupakan minoriti yang mana undang-undang negara itu bukan undang-undang hudud, macam mana? Sia-siakah Islam dia? Sebab itu saya hendak lawan, bukan soal saya tak terima, tetapi saya hendak kata bahawa dalam Islam hukumnya ada peringkat-peringkat dan tingkat-tingkatnya. Ada yang tingkatnya mesti, wajib, Yang mana Hma rukun tadi, wajib. Siapa sahaja orang Islam mesti percaya rukun yang lima ini, dan mesti buat yang lima ini. Itu puri ada kelonggarannya, Misalnya sembahyang lima waktu satu hari, kalau sakit tak payah sembahyang, wanita yang datang bulan tak payah sembahyang. Rukun itu wajib, tetapi ada kelonggarannya. Orang berpuasa yang merantau pada bulan Ramadhan, walaupun puasa itu wajib, tetapi ada waktu dan ketikanya boleh diizinkan supaya tidak berpuasa kerana ada suasana yang tertentu. Begitu juga naik haji. Kalau semua orang Islam, berdasarkan Islam semua mesti naik haji, ramailah orang Islam yang tidak akan jadi Islam kerana tak mampu hendak naik haji. Walaupun wajib haji itu, tetapi ada kelonggarannya. Takkanlah hukum hudud ini langsung tak boleh longgar. Bukankah ini yang ada pada Malaysia pada hari ini, waktu dan suasana yang special yang harus diambil kira yang tidak membolehkan kita melaksanakan hudud ini. Perkara yang wajib pun ada kelonggarannya, takkanlah hudud tidak termasuk dalam rukun yang lima, langsung tak boleh -mesti buat! Ini yang saya hendak hujah. Sebab saya rasa yang wajib pun boleh dilonggarkan. Misalnya dalam suasana yang tertentu orang yang sakit tak perlu sembahyang. Orang yang merantau

tidak perlu berpuasa. Ini suasana yang boleh dikecualikan, Saya percaya dalam sebuah negara yang majmuk seperti ini, suasana ini juga yang boleh dikecualikan daripada kita melaksanakan hukuman hudud ini.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Barangkali Datuk Haji Mohamed Nazri agak terlupa ataupun tidak teringat, iaitu pertukaran orang yang sakit tidak payah sembahyang itu, sebenarnya sembahyang tidak ada keringanan dan ianya mesti terus dilaksanakan walaupun orang itu dalam keadaan kesakitan dan hampir nazak. Tetapi yang boleh meninggalkan ibadah apabila sakit ialah berpuasa dan diganti pada hari yang lain. Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bertukar ataupun terlupa?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin

Abdul Aziz: Terima kasih, kerana peringatkan kepada saya. Saya sudah sebut tadi, saya bukan orang yang mendalami soal agama. Tetapi saya rasa Islam ini banyak, apa yang diajarkan kepada kita mesti ada scientific explanationnya. Maknanya kalau kita puasa itu bukan hanya setakat puasa, tetapi ada sebab-sebab tertentu mengapa kita berpuasa, supaya kita merasakan macam mana orang susah, supaya kita jangan membazir, kalau makan biar habis kerana rezeki jangan dibuang, dan bayangkan macam mana orang yang tak ada makanan. Jadi, kita dapat merasai. Saya tidak nampak Islam sebagai satu agama yang suruh kita buat tanpa ada alasan di sebaliknya. Sebab itu kepada saya, saya terimalah apa yang disebut oleh Ustazah, memang betul dia cakap. Maknanya bahawa ada waktu dan

ketikanya yang mana walaupun wajib, tetapi akhirnya Allah S.W.T. sendiri yang akan menimbangkan kita sama ada ketika itu kita boleh ataupun tidak boleh meninggalkan perkara itu. Dia bukan maknanya boleh, tetapi di waktu itu menyebabkan dia boleh. Kalau seorang itu sakit - takkanlah dalam kesakitan, 'sembahyang belum lagi', dia tak boleh hendak fikir lagi. Jadi, ini bermakna ada suasana dan ketika perkara yang wajib itu pun boleh mengikut kemampuan kita. Jadi, di sini.....

Timbalan Yang di-Pertua: Macam Yang Berhormat kata tadi tentang naik haji bukankah begitu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sama juga seperti naik haji. Kalaulah semuanya wajib - memang wajib, tetapi kalau dikatakan siapa tak naik haji itu akan hilang Islamnya, saya ingat ramai di kalangan kita yang sudah kehilangan agama kita. Tetapi Tuhan Maha Kaya lagi Maha Mengetahui. Saya hendak bertanya, katalah orang Melayu di Selatan Thailand macam mana dia? Hendak suruh orang Islam di situ lawan dengan Kerajaan Siam, semata hendak wujudkan hudud - disuruh berperang. Bagaimana hendak perang apa, kalau ada 1 juta sahaja, dan orang Siam ada 53 juta orang dengan bala tenteranya - itu kerja bodoh! Takkan Tuhan menyuruh kita buat perkara yang bodoh. Kalau Tuhan tidak mahu supaya orang-orang Islam duduk di bawah pemerintahan orang bukan Islam, sudah tentu Tuhan menjadikan dunia ini kalau negeri itu Islam, semuanya Islam - tak ada orang Islara yang duduk di luar negeri daripada negeri Islam - tak ada macam itu. Orang Islam bersepah di mana-mana dalam dunia kita ini.

Jadi, sebab itu pada saya soal hudud ini waktu dan raasa, mana yang lebih

penting? Islam itu sendirilah atau kerana hendak laksanakannya. Saya hendak bertanya, apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau hari itu pemimpin Alija Izetbegovic seorang Islam hendak menyelamatkan negaranya, dia tidak kata bahawa ia hendak mendirikan negara Islam di Eropah. Dia kata kita akan perkukuh dengan Croat dan Serb, itu pun orang Serb dan Croat tidak hendak. Apatah lagi kalau Alija Izetbegovic mengatakan saya hendak berdiri sebuah negara Islam di Eropah - hancur! Manakah lebih baik sama ada hendak hancur semua negara Islam kita ataupun kita hendak menekan sesuatu yang tidak mungkin kita boleh laksanakan di waktu dan ketika ini. Mana lebih penting? Apakah kita sanggup korbakan semua negara kita ini, korban negara Islam ini - pergi, Malaysia hendak hancur, hancur, asalkan hudud mesti dilaksanakan. Ini kita kena gunakan kebijaksanaan. Sebab itu saya tak takut dan saya hendak cakap hari ini mengapa waktu dan ketika ini belum sampai masanya untuk kita melaksanakan hukuman hudud ini.

Soal keduanya masyarakat itu sendiri apakah mereka faham hukuman hudud? Kita tidak mahu melaksanakan hukuman hudud ini akhirnya nanti yang dapat nama tidak baik ialah hukum hudud itu yang sepertimana berlaku di Pakistan pada hari ini yang telah pun melaksanakan hukuman hudud. Hukuman hudud bukan hanya setakat potong tangan dan sebagainya, tetapi hudud termasuk soal saksi. Sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah hukum Syarak mesti ada saksinya. Di Pakistan hukuman hudud dijalankan. Wanita Islam di sana yang

dirogol, tetapi kesnya tidak dapat didengar kerana hukuman hudud menuntut ada empat orang saksi yang sempurna Islam dan cukup umurnya dan melihat perbuatan itu. Mana ada orang rogol di depan orang ramai, saya hendak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini adalah perkara benar. Seheinggakan pada hari ini disabitkan oleh kerana itu, maka orang menganggap hudud tidak adil. Sebenarnya bukan hudud tidak adil, tetapi masyarakat belum sedia lagi. Masyarakat itu telah menyalahgunakan hukuman hudud ini. Mereka sudah tahu kena, cari 4 saksi, maka banyak kes tidak boleh didengar. Banyaklah perempuan" dan wanita Islam yang teraniaya di Pakistan itu yang kena rogol,

Kalau mengikut penyiasatan yang dibuat dari segi saintifiknya, doktor check, memang ada perogolan berlaku, tetapi oleh kerana saksi tidak ada, tidak boleh dibawa kes. Yang teraniaya siapa? Wanita. Siapa salah? Hudud salahkah atau masyarakat salah? Saya salahkan masyarakat, kerana apa? Masyarakat belum bersedia tentang perkara ini. Dalam sebuah negara Islam, kalau ada orang yang melakukan perbuatan seperti itu, dia tidak perlu ada 4 orang saksi, dia buat perkara rogol yang hina itu, dia sendiri akan merasakan kesalahan. Dia sendiri akan berjumpa dengan sesiapa dan menceritakan bahawa dia telah melakukan kesalahan. Saya tidak tahu sama ada, ada dalam hadis atau tidak - ada orang yang melakukan kesalahan datang bertemu dengan Rasulullah, Rasulullah kata "Betulkah itu, balik dan fikirkan dahulu". Datang kali kedua, suruh balik lagi. Mana hendak dicari orang Islam yang macam ini sekarang ini, yang sanggup menceritakan bahawa dia telah

melakukan kesalahan, selagi dia boleh sembunyi, dia sembunyi.

Jadi, apakah masyarakat di negara kita sudah cukup matang untuk menerima hukuman hudud ini? Dia akan menyalahgunakan hukuman hudud ini. Dia sudah tahu dalam kes rogol, jika dia hendak rogol "dia punya girl friend" atau siapa-siapa, tidak akan ada masalah, kerana mesti cari empat saksi, bukan senang. Sebab itu wanita dianiaya. Salah siapa? Saya tidak salahkan hukum hudud, saya salahkan masyarakat kita. Masyarakat Pakistan yang ada pada hari ini yang belum lagi sedia untuk menerima hukuman hudud ini. Apakah dengan pelaksanaan hukuman hudud ini, misal kata di Pakistan, tidakkah mendatangkan mudarat kepada kita? Malu kita. Sebab kita mengatakan bahawa hukuman hudud ini adalah hukuman dari langit, yang terbaik sekali, memang betul. Yang tidak baiknya masyarakat yang ada pada hari ini, yang tidak tahu tentang hukuman hudud. Sebab itu, negeri Kelantan jangan buat macam Pakistan. Jangan mendatangkan satu pandangan serong di kalangan masyarakat dunia terhadap hukuman hudud itu, yang disabitkan oleh kerana orang di Kelantan itu belum bersedia untuk menerima hukuman hudud itu.

Kalau orang kata "Di Madinah kita boleh buat", memanglah di Madinah kita boleh buat, Siapa ketua pada ketika itu? Rasulullah s.a.w., orang yang maksum. Apakah Nik Aziz hendak kata bahawa dia juga sama dengan Rasulullah, dia boleh buat di sana? Saya mahu perkara ini kita bincang betul-betul, tidak ada masalah. Kalau masyarakat telah bersedia, tanya pada saya, insya-Allah saya bersedia, tetapi yang lain macam mana? Yang kaki penyangak masih ramai lagi, yang akan mengambil kesempatan untuk

melakukan kesalahan kerana tuntutan saksi yang begitu ketat, yang dikenakan oleh hukum Syarak, maka dia boleh tahu - ha! ini kalau hendak 4 orang saksi, senang sahaja, kita boleh buat. Tetapi kalau masyarakat itu takut kepada Tuhan, dia tidak akan buat.

Saya teringat, semasa saya kecil-kecil dahulu, tentang puasa. Arwah ibu saya kata "Kena puasa, tetapi kalau hendak makan, kalau orang tidak nampak - tidak apalah". Saya pun seronoklah. Satu hari saya pergi bersembunyi dalam bilik air, saya makan. Ini cerita betul. Sekali emak saya kata "Nampak mulut basah, pasal apa"? Saya kata, "Tidak ada apa". Lepas buka puasa, dia tanya saya, saya kata "saya tidak berpuasa". Tetapi emak yang kata, kalau orang tidak tahu". "Hang tu lembukah?", dia kata. Kita yang makan ini manusia dan kita tahu kita ini makan. Jadi, kalau kita boleh buka puasa kalau orang tidak nampak, maka, kita ini bukan orangkah? Lembukah? Jadi, maknanya memang tidak bolehlah. Maknanya sesuatu itu harus kita lakukan dengan tidak perlu ada kawalan kepada kita. Kita mesti takut kepada Allah S.W.T. - itu yang kita buat, bukan kerana orang tekan kepada kita. Ini penting. Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini, sebagai seorang Islam, hukuman hudud ini memang kita tidak boleh tolak. Tetapi saya hendak pertikaikan soal waktunya (timing).

Pada pandangan saya, saya rasa masyarakat Malaysia belum lagi bersedia untuk menerima hukuman hudud. Kerana apa? Kerana negara kita adalah negara majmuk. Ini bukan salah kita, kalau negara kita negara majmuk. Ini sesuatu yang telah dikenakan kepada kita. Apakah kita semata-mata hendak adakan hukuman hudud akan menyebabkan rakan-rakan

kita tidak puas hati dengan kita? Dia takut dan bimbang, akhirnya negara berkecamuk, berkelahi sesama sendiri, dan akhirnya akan jadi padang jarak, padang terkukur. Buat apa?

Jadi, soal hukum hudud ini, saya rasa kita mesti bincang. Kita tidak boleh menyatakan bahawa apa yang dilakukan oleh mereka, maka itulah Islam. Saya tidak percaya kepada PAS, sebab dia kata saya kafir. Mana dia tahu? Semenjak bila PAS sudah diberikan tauliah untuk mengambilalih kerja-kerja Allah S.W.T. untuk menentukan sama ada orang itu kafir ataupun Islam? Apa hak dia? Dahulunya kata kita kafir, tidak boleh makan sembelihan kita dan macam-macam dia kata kepada kita.

Hari ini, yang Semangat 46 itu bukankah dari UMNO yang mereka bekerjasama di negeri Kelantan pada hari ini. Malah lebih teruk lagi orang itu. Jadi, saya tidak percaya dengan apa yang PAS hendak buat. Saya cukup yakin bahawa kita dalam UMNO sememangnya mempertahankan Islam di tanah air kita dan kita akan menggunakan kebijaksanaan kita untuk memastikan supaya apa yang dilakukan oleh kita akan dapat, pertamanya, memelihara negara kita yang sekali gus akan memelihara Islam itu sendiri - sudah tentu punya. Kalau kita pelihara negara dengan baik, Islam tetapi akan mendapat tempat di sini. Tetapi kalau kita salahguna, berkelahi sesama kita, macam di Somalia, apakah bangganya menjadi orang Islam di sana kalau lapar tidak makan, bergaduh sesama dia sahaja. Lalat naik atas matapun, tidak boleh hendak kuit dah. Inikah gambaran orang Islam yang hendak diberikan kepada dunia? Hendak persalahkan siapa? Saya hendak tanya! Hendak salahkan kepada siapa sekarang ini? Berkelahi

antara Farah Aideed dengan Mohd. Mahdi - nama bukan main, Mohd. Mahdi. Dua-dua orang Islam, hendak salahkan siapa? Orang Islamlah yang malu. Apakah ini gambaran yang hendak diberikan, bahawa inilah Islam?

Sebab itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk, yang dipimpin oleh orang-orang yang beragama Islam, yang bijaksana, yang dapat menjaga dan memelihara hubungan baik di antara kaum yang berbilang agama, berbilang budaya dan berbilang kaum. Kejayaan seperti kita tidak boleh dicapai seperti yang saya pernah tengok di banyak negara-negara lain. Amerika Syarikat bangga dengan 'freedom and democracy'nya tetapi kita tengok berlaku pergaduhan di Amerika Syarikat. Di Britain, berlaku 'riot', tetapi di Malaysia, insya-Allah, menjadi contoh. Kerana apa? Kerana pemimpinnya baik, Islamic, bagus dan menjaga kepentingan rakyat. Yang minority pun kita jaga. Walau apa sekalipun mereka ini adalah manusia, kita tidak boleh menghukum dia, semata-mata kerana dia bukan Islam, kena ambil tindakan. Itu bukan cara kita. Ini hendak melaksanakan hukuman hudud, sekali buat kenyataan kata melibatkan orang bukan Islam, lepas itu tarik balik - untuk orang Islam sahaja. Dia sendiri pun tidak tahu apa benda yang dia hendak buat. Dia sendiri teragak-agak, macam mana dia hendak laksanakan hukuman hudud.

Tuan yang di-Pertua, sebab itu dalam soal hukuman hudud ini, saya ingin mencadangkan, supaya kita jangan takut dan bimbang untuk membincangkan perkara ini. Kita tidak boleh "lose by default" semata-mata kerana kita kata kita tahu dan soal ini hanya orang yang memahami Islam sahaja patut bincang, maka "we lose by default". Kita mesti 'argue' dan

mesti hujah, bukan hanya soal prinsip hukum hudud itu, tetapi kita hendak bincangkan tentang 'timing' dan suasananya. Apakah sesuai sekarang ini? Apakah masyarakat Islam sudah bersedia dan sudah memahami, sudah cukup dengan keislamannya? Apakah kalau orang Islam sudah bersedia, bagaimanakah dengan kefahaman orang bukan Islam? Ini semua hendaklah diambil kira. Katalah di sini, kalau ada orang kata "Oh! di Madinah kita boleh buat, orang Islam dahulu boleh buat! Memanglah di Madinah kita boleh buat, sebab Ketuanya ialah Nabi Muhammad s.a.w. - dia orang yang maksum, orang yang serba boleh. Takkan kita boleh sampai macam itu. Saya ingat hendak sampai banyak itu, dengan dia pun kita tidak boleh bandingkan - jauh bandingan antara kita dengan Nabi Muhammad s.a.w. Itu contoh. Kita boleh berkejar ke arah itu dengan menggunakan itu sebagai contoh. Setakat maka kita boleh buat, kita buat. Sebab itu, pada hari ini apa yang kita tidak laksanakan? Orang Islam kahwin bukan dengan cara mendaftar sahaja, tetapi juga dengan cara hukum Syarak - semua sudah ada, termasuk Fara'id, semua cukup. Mana yang boleh kita buat, kita buat.

Janganlah sampai kita ghairah hendak membuat sesuatu benda itu, dan kita tengok Kerajaan Pusat tidak buat, dia hendak buat, akhirnya negara kucar-kacir, siapa yang hendak bertanggungjawab pada ketika itu? Dia akan tuduh kitalah. Dia kata "Ha! you di Pusat tidak jaga keselamatan negara." Tetapi dia yang buat. Sebab itu, dalam soal Islam ini, soal hukum hudud, orang UMNO mesti tampil ke hadapan, mesti bincang dan mesti cakap. Soal Islam ini bukan soal PAS sahaja, ini soal kita bersama dan kita bertanggungjawab untuk memastikan supaya negara kita ini aman dan damai dan kita harus menggunakan

kebijaksanaan untuk memastikan bahawa Islam itu tidak diketepikan, malah diberikan tempat dalam sebuah negara yang aman damai, sepertimana yang ada dalam negara kita, Malaysia pada hari ini,

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, masih lagi berkenaan dengan B. 43.

Kita haraplah, Kementerian Undang-undang akan memikirkan untuk mengadakan satu Akta yang khusus untuk soal membasmi pembiakan atau penjangkitan penyakit AIDS ini. Saya mendengar dalam sesi Soal Jawab pada peringkat awal sesi Dewan Rakyat pada petang ini, ada Ahli Dewan Rakyat bertanya kepada Timbalan Menteri Kesihatan, apakah undang-undang atau peraturan yang dibuat bagi mewajibkan mereka yang hendak bernikah itu mesti ada "blood test"? Ada juga yang bertanya macam-macam yang ada kaitan dengan penjangkitan penyakit AIDS ini.

Saya ingin menyatakan di sini iaitu kita harus bersikap "prevention is better than cure". Kita tidak mahu apabila benda itu sudah berlaku baru kita hendak memikirkan apa yang harus kita lakukan. Kita sudah tahu bahawa benda ini berlaku di negara-negara lain, sebab itu kita mesti ada Akta khusus yang tertentu untuk memastikan supaya penjangkitan AIDS ini tidak akan berlaku begitu berleluasa di negara kita.

Kita mesti ada Akta yang khusus. Sebagai contoh, soal cuai. Maknanya kalau mana-mana pihak yang berniaga dalam bidang-bidang yang boleh menyebabkan penjangkitan berlaku, kalau dia cuai maka tindakan mesti diambil terhadap orang yang cuai itu. Sebagai contohlah katakan tukang

gunting, dia pakai 'blade' dan tidak tukar 'blade' itu. Jadi, kalau orang terkena AIDS, tanya pada Menteri, "Apa tindakan yang diambil kepada tukang gunting yang tidak menukarkan blade?". "Tidak ada undang-undang. Kita tidak boleh buat apa-apa". Mana boleh tidak buat apa-apa? Kita boleh adakan satu undang-undang yang khusus. kalau ia dibuat, kita kena pastikan Akta AIDS merangkumi semua yang berniaga, yang berdagang, yang ada kaitan dengan jangkitan. Kita mesti kata tidak boleh cuai, mesti tukar blade ataupun bagi mereka yang menyuntik iaitu doktor - selepas suntikan, jarum suntikan kena buang, kalau dia cuai apa hukumannya?

Ini semua kita mesti ada. Jangan kita tunggu benda itu sudah merebak teruk baru hendak difikirkan. Ini soal mengambil darah. Saya rasa pandangan Ahli Yang Berhormat dari Perlis sebentar tadi berkenaan dengan pengaritin-pengantin baru, Menteri itu tidak boleh jawab. Dia kata, "Kalau pengantin hendak buat, buatlah". Saya tengok dia kuat jaga AIDS ini tetapi dia nampaknya relax sangat.

Kita kena kawal sebab yang ada AIDS itu satu hal. Kalau dia bernikah, anak dia dapat AIDS. Ini budak yang tidak berdosa yang dilahirkan di dunia dan tidak tahu apa, tidak ada kesalahan dia pun. Kesalahan ibu bapa dia, dia dapat AIDS dari kecil lagi. Apakah pada ketika itu baru kita kata, "Wah....sepatutnya kita kena fikir. Kita kena compulsory ambil darah". Buat apa? Sudah terlambat dan budak ini tidak berdosa.

Kita sudah tengok dalam dunia ini, berita keluar dalam televisyen menceritakan bagaimana budak yang tidak berdosa - berumur satu, dua tiga tahun - kurus. Kerana apa? Kerana

bapa dan emaknya ada AIDS. Ini perkara serius! Ini bukan soal hendak menjaga kepentingan ibu bapa sahaja. Ini hendak jaga kepentingan generasi yang akan datang, yang tidak berdosa ini. Tidak boleh kita kata, "Serah kepada pengantin, kalau dia hendak test, testlah". Tidak boleh macam itu. Kita kena pastikan kerana kita bimbang kalau ibu bapa ini ada AIDS, kalau dia hendak mati, itu dia punya pasallah - kesilapan dia, tetapi yang tidak berdosa ini bagaimana? Mungkin isteri dia tidak berdosa sebab dia yang transfer AIDS kepada isteri dia. Apa isteri dia boleh buat ataupun isteri dia ada AIDS, suami tidak ada AIDS tetapi kerana tidak ambil blood test, tidak tahu - suami dapat AIDS.

Apa tindakan kita hendak ambil? Kita hendak kata, "Itu you punya choicelah", Mana boleh kita buat macam itu. AIDS ini serius. Itu sebab "prevention is better than cure." Fikirkanlah, satu cadangan yang baik macam ini - fikirlah. Jangan kita bulat-bulat tolak begitu sahaja. Kita bersungguh-sungguh hendak jaga AIDS supaya jangan berjangkit tetapi bila ada cadangan yang baik, tolak begitu sahaja. Saya ingat fikir baik-baik, sebab kita hendak jaga kepentingan budak-budak yang tidak berdosa, yang dilahirkan di dunia ini dengan AIDS. Bukan kerana perbuatan nakal dia tetapi kerana perbuatan ibu bapa dia, jadi tidak adil kepada anak-anak ini. Sebab itu kita iaitu Kerajaan, sebagai guardian kepada budak-budak ini harus menerima cadangan yang baik seperti ini.

Saya rasa perlu juga ada Akta AIDS ini untuk membanteras orang yang tahu dia ada AIDS tetapi dia sengaja mengadakan hubungan seks semata-mata kerana hendak menyebarkan, pada hal dia sudah kena. Sebagai

contoh, katalah seorang pelacur. Dia sudah fikir, dia kata, "Nasib aku memang sudah teruk. Memang aku sudah ada AIDS, peduli apa". Dia hendak sebar AIDS dia kepada orang lain. Ini jenayah. Saya dengar jawapan dari Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebentar tadi, apabila ada Yang Berhormat bertanya kepada dia, dia kata, "Itu bukan jenayah. Belum sampai jenayah". Saya ingat kita tolak ke tepi begitu tidak bolehlah. Cakaplah, "Kita mesti kaji", Kita tidak boleh beri jawapan begitu sahaja sebab ada orang yang kepala tidak betul di kalangan kita ini yang mungkin merasakan diri dia tidak ada masa hadapan, dia sanggup menyebarkan AIDS kepada sesiapa sahaja. Ini bahaya. Tidak boleh. Sebab itu kita kena bertindak.

Saya tidak tahu sama ada perkara ini berlaku di Hong Kong. Saya tengok satu wayang Hong Kong. Perempuan yang diambil.....

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Penjelasan. Sila.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher Saya inginkan penjelasan dari Yang Berhormat Datuk, adakah pembuangan anak ini sepertimana yang kita lihat baru-baru ini di dalam televisyen, satu jenayah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya memang melihat itu sebagai satu jenayah. Memang ada pandangan kepada sesetengah agama, bahawa bayi dalam perut itu sudah merupakan nyawa dan kalau dia buang, bermakna dia membunuh. Membunuh maknanya murder, murder itu jenayahlah. Jadi, itu jenayah. Saya tidak

faham kalau orang kata itu bukan jenayah. Itu jenayah! You just killed a life, dengan izin. Itu nyawa! Nyawa itu bermula bukan sahaja bila dia keluar di dunia, nyawa itu sudah ada dalam perut. Sebab itu apabila dalam kandungan, dia sudah ada nyawa. Detup-detup heart beat dia sudah ada. Itu sudah nyawa. Jadi, kalau kita hendak tanya, "Apakah harus kita ambil tindakan terhadap orang buang anak?"

Saya tengok ada orang kata itu bukan jenayah. Itu murder! Straight forward - pembunuhan! Sebab dari ada nyawa kepada tidak ada nyawa. Apa yang kita hendak bincangkan, mesti ada satu Akta lagikah atau apakah itu? That is murder unless you say that foetus has got no life, dengan izin, tetapi saya rasa apabila dalam kandungan, dia sudah bernyawa, kita boleh dengar heart beat. Bila doktor gynaecologist datang check heart beat budak itu sudah ada. Kalau sudah ada heart beat, it is alive. Saya tidak tahu dalam kamus Inggeris apa yang dimaksudkan dengan "life" tetapi saya rasa "life" itu tidak semestinya dia mesti keluar ke dunia. Dalam perut pun kalau sudah ada heart beat itu life.

Jadi, sudah tentulah kalau buang anak ini, membunuhlah jawabnya, unless it is stillborn, tidak tahulah. Tetapi kalau dia flush dalam itu, budak itu bernyawa kalau doktor boleh check memang dia hidup, 3 minit lalu dia hidup, itu murderlah itu! apa yang difikirkan tentang apa-apa undang-undang lagi. Tangkap ibu bapa itu, charge for murder. Kalau tidak ada niat pun, manslaughter. Apa yang difikirkan lagi? Jadi, sebab itu, dalam undang-undang ini murderlah, dengan izin, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi tengah bercakap mengenai AIDS.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tentang AIDS.

Timbalan Yang di-Pertua: Kemudian disambung oleh Tuan Johan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tengok cerita Hong Kong - kantonislah, sebab cerita Hong Kong sekarang popular, ada Wong Fei Fong, Fong Sai Yuk *semua....(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, dalam cerita Hong Kong ini, saya tengok ada satu cerita itu, macam mana perasaan dendamnya itu terhadap ex-boyfriendnya; kerana dia ada AIDS, dia cari jalan macam mana supaya ex-boyfriendnya tidak sedar bahawa beliau telah pun mengadakan hubungan jenis dengan dia. Jadi, maknanya intentionnya untuk spread AIDS kepada ex-boyfriendnya itu ada. Akhirnya siapa dapat AIDS ini, dia akan sakit, akhirnya akan matilah. Jadi ini satu effence.

Jadi sebab itu di bawah Akta AIDS ini, kita harus memikirkan juga, merangkumi ada setengah-setengah orang yang sengaja begitu bebas menjangkiti orang lain. Dia sudah tahu dia ada AIDS itu, tetapi dia bebas. Kita tidak boleh kata, "Ha, itulah you, janganlah mengadakan seks rambang atau apa". Itu kalau seks rambanglah. Tetapi kalau dia bernikah dengan orang lain, dia sembunyikan penyakitnya - bila kahwin, orang itu dapat AIDS. Jadi, mesti ambil tindakan kepada orang seperti ini.

Kalau kita tidak ada undang-undang atau Akta khas membanteras spreading of AIDS dengan secara intentional ini dan menjadikan ianya sebagai jenayah, saya bimbang nanti AIDS ini akan merebak. Memang betul saya

tengok di negeri-negeri itu tidak begitu banyak lagi - HIV banyak. Tetapi kita jangan take for granted dan ingat masalah ini akan hilang begitu sahaja. Kalau kita tidak kawal, saya rasa, mungkin penyakit ini satu hari akan menjangkiti orang-orang lain. Akibatnya Malaysia mungkin akan menjadi sebuah negara yang mana penduduknya banyak AIDS. Itu sebabnya Menteri Kesihatan Jepun mengatakan, "negara-negara Asia adalah negeri AIDS". Ini Menteri Kesihatan Jepun bercakap dalam surat khabar - saya baca.

Jadi, dia sudah anggap, negara-negara di South East Asia ini, semua dijangkiti oleh AIDS.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidakkah Datuk sekarang ini merasa sukacita kerana di Sarawak, macam Tuan Ding Seling, senyum.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kosong.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah ada ubat - 'ding hing tangga' dia kata. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh? Saya pun tidak tahu juga. Yang saya tahu, saya ingat Sabah tadi. Sabah memang kosong, AIDS tidak ada, tetapi di Sarawak ada satu. Saya merasa dukacita bagi pihak rakyat Malaysia yang dapat AIDS. Kalau sekiranya ada ubat untuk penyakit AIDS. Tetapi yang penting, kita sebagai Kerajaan, kita mesti anticipate. Sebelum suatu perkara itu menjadi begitu besar, kita kena fikir sekarang supaya ia jangan merebak di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali. Maksud Bekalan B. 47 di bawah Kementerian Pengangkutan ini, berkenaan dengan kawalselia. Cuma

saya hendak mencadangkan di sini, oleh kerana ini di bawah Kementerian Pengangkutan dan banyak wang yang dibelanjakan. Saya minta supaya Kementerian Pengangkutan ini, tolonglah serius sekarang ini berkenaan dengan pengangkutan dalam bandaraya kita ini. Saya tengok sebenarnya banyak yang boleh dilakukan. Tak usah ditanggut-tanggulah. Ini tangguh-tangguh kerana kos. Kos tak akan turun! 10 tahun lagi, kos akan naik. Kita tidak boleh menolak sesuatu itu dengan alasan kerana kos tinggi. Kos tinggi pada tahun 1993; kos lebih tinggi pada tahun 1994! Kos lebih tinggi pada tahun 1995 dan seterusnya. Sebab itu keputusan tidak boleh ditolak semata-mata kerana kos tinggi. Kalau kosnya tinggi, itu adalah satu harga yang harus dibayar oleh kita yang mesti kita buat sekarang ini.

Saya tidak mahu melihat Kuala Lumpur ini menjadi macam di Bangkok. Di Bangkok, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana jam itu bukan soal setengah jam atau satu jam, tetapi jam itu empat atau lima jam. Saya difahamkan mereka telah invented satu latrine tempat buang air dalam kereta kerana tak tahan. Ini empat jam dalam kereta, hendak lepas dekat mana? Jadi, terpaksa diwujudkan satu jenis yang mana jenis latrine, maknanya tempat buang air kecil yang terpaksa dibawa dalam kereta, kerana kalau jalan ini 'jam' - tersangkut, kalau kita tidak tahan, kita sudah tidak boleh hendak buat apa. Sudah ada satu instrument untuk buang air dalam kereta.

Saya tidak mahulah benda ini datang ke Malaysia. Kalau boleh, kita pastikan 'public transport' ini baik, yang mana kita tidak boleh tunda semata-mata kerana kos tinggi. Saya tengok di sini, banyak rel-rel kepunyaan Malayan

Railway yang tidak digunakan, gunakanlah. Dahulu saya ingat di Kuala Lumpur ini, keretapi pernah masuk sampai ke Bank Pertanian. Keretapi pernah masuk sampai ke Foch Avenue. Jadi, rel ini boleh dipakai lagi. Banyak rel-rel yang lalu ikut Cheras dan sebagainya, gunalah rel itu. Gunakan rel itu, jangan kita ketepikan. Dan, jalan keretapi yang main trunk line, bukan selalu digunakan oleh Malayan Railways dalam perjalanan Ipoh ke Kuala Lumpur. Jadi, kita boleh gunakan - itu pergi sampai ke Selayang semua, pergi sampai ke Kepong atau mana, gunakanlah itu. Mana kemudahan yang ada, gunakan. Yang mana belum, kena bina. Tak boleh dengan harapan, kita harapkan supaya masalah itu akan selesai begitu sahaja. Masalah itu akan bertambah kalau kita tidak selesaikan sekarang.

Soal kos tinggi atau rendah tidak berbangkit. Tahun hadapan ia akan tinggi lagi. Jadi, tolong buat sesuatu untuk memastikan supaya dikurangkan kesesakan trafik dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita ini. Memang ada Single Occupancy Vehicle (SOV), Itu sementara. Itu bukan penyelesaian yang muktamad. Memang keluar dalam Televisyen Malaysia, kita tengok SOV, SOV, angkat kereta permainan itu tunjuk. Sekarang, kalau ada sejuta orang, 4 orang kita isi, ada 250,000 kereta. Besok, kalau Kuala Lumpur sudah naik 2 juta, tidak 500,000 kereta dah? Jadi, Single Occupancy Vehicle ini bukan solution yang permanent. 10 tahun lagi, ia akan menjadi masalah lagi. Kereta akan bertambah sebab penduduk bertambah. Sebab itu kita kena selesaikan once and for all. Soal kesesakan trafik di Kuala Lumpur ini kena selesaikan sekarang juga. Jangan kata kos tinggilah, itu, ini dan macam-macam lagi. Kita kena buat sekarang,

mesti ada political will to solve this problem. Ianya merupakan masalah - setahun dari sekarang, dua tahun dari sekarang atau tiga tahun. Sebab itu kita kena buat sekarang juga.

Saya minta di pihak Kementerian Pengangkutan, mesti ada satu political will untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Kuala Lumpur ini. Ini mesti dibuat sekarang. Sebab itu, soal kos, kitalah kena bayar - pengguna, mesti. Sebab, inconvenience itu, dengan izin, adalah dikenakan kepada kita, kalau traffic jam, kita juga susah. Jadi kalau ada transport yang macam ini, kita bayarlah.

Saya pun kalau ada keretapi yang berhawa dingin daripada Petaling Jaya melalui Bangsar, saya pun hendak naik keretapi, apa salahnya? Tetapi bukan saya kata tidak mahu naik bas. Naik bas kalau pakai kot macam ini, panas! Jadi, keretapi itu kenalah selesa, dengan air-cond, boleh kita gunakan. Sebab itu saya terpaksa bawa kereta. Kalau tidak, saya hendak datang ke Parlimen pun tak boleh. Di Parlimen, kena pakai kot - kalau di Parlimen tidak pakai kot, tidak apalah, saya boleh tidak pakai kot. Tetapi kita ada peraturan kita.

Jadi masalah pengangkutan, Kementerian mesti ambil berat dan selesaikan masalah kesesakan trafik di Kuala Lumpur ini. Jadi Tuan Yang Terutama.....

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan salah, ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak ucapan saya berkenaan dengan Akta Perbekalan Tambahan 1993. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesempatan yang

telah diberikan kepada saya. Maka sekali lagi saya menyatakan di sini bahawa saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dr. Toh Kin Woon.

6.00 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara berkait dengan beberapa Kementerian yang saya ingin bangkitkan dalam ucapan saya pada hari ini. Ketiga-tiga Kementerian yang saya ingin sentuh adalah Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

. Isu pertama adalah berkait dengan penswastan Pelabuhan Lumut di Perak yang ada di bawah jagaan Kementerian Pengangkutan. Seperti apa yang dimaklumkan oleh orang ramai, salah satu daripada matlamat penswastan ialah hendak mempertingkatkan kecekapan. Ini bererti dalam banyak kes setelah penswastan mutu perkhidmatan mesti bertambah baik dan pada masa yang sama harga perkhidmatan-perkhidmatan ini akan diturunkan kalau boleh. Maka para pengguna yang akan mendapatkan faedah sekiranya matlamat ini dapat dicapai. Penswastan kemudiannya akan

dipandang sebagai suatu tindakan yang akan menguntungkan orang ramai dan mereka mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan pihak pemerintah dalam ekonomi.

Adanya beberapa cara penswastan dilaksanakan. Salah satu daripadanya ialah menjualkan saham sama ada sebahagian ataupun keseluruhannya kepada institusi-institusi swasta atau orang-orang individu, mengkontrakkan pengeluaran tetapi tidak pembiayaan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan, mengenakan bayaran jika tidak adanya bayaran yang dikenakan sebelum itu atau mempertingkatkan bayaran kalau adanya bayaran dan akhirnya pembelian saham oleh pihak pengurusan atau Management Buy Out (MBO). Tetapi tidak kira apa jua kaedah pun, Tuan Yang di-Pertua, faktor penting yang akan mempertingkatkan kecekapan sebenarnya ialah persaingan dan bukan setakat pemindahan hak milik dari sektor awam kepada sektor swasta, sungguhpun pemindahan sedemikian akan mendedahkan perusahaan-perusahaan awam kepada disiplin di tempat pasaran.

Interaksi antara pendedahan kepada persaingan dan hak railik swastalah yang akan mempertingkatkan kecekapan ekonomi. Oleh yang demikian, jika kerajaan ingin mempertingkatkan kecekapan perusahaan-perusahaan awam melalui penswastan maka ini memang merupakan suatu matlamat yang penting. Maka pihak Kerajaan mesti mewajibkan (insist) di mana yang boleh kewujudan suatu persekitaran di mana adanya persaingan dalam era selepas penswastan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan membawa kepada

pengwujudan monopoli swasta yang akan mempunyai kuasa pasaran untuk mengenakan bayaran yang tinggi dan seterusnya akan - memperoleh keuntungan monopoli yang akan menjejaskan kepentingan para pengguna. Para pengguna seterusnya akan berasa ragu-ragu apakah matlamat sebenarnya penswastaan. Mereka mungkin tidak mahu menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam ekonomi.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pembinaan dan usahasama Lumut Maritime Terminal di Lumut sebagai suatu contoh. Saya difahamkan bahawa sebaik-baik sahaja LMT ini siap kesemua jeti-jeti yang sedia ada akan dipaksa menutup operasi mereka. Memang Kerajaan telah pun memberi notis bahawa kemungkinan besar lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada jeti-jeti sedia kala akan ditamatkan sebaik-baik sahaja LMT akan siap dibina. Pada masa ini adanya beberapa jeti yang raengendalikan di Pelabuhan Lumut, ini termasuk yang dikendalikan oleh Syarikat SPS Perak Bumirel, Phung Kok Thai dan Malayan Flour. Kecuali jeti yang dikendalikan oleh Malayan Flour, yang lain semua terpaksa ditutup.

Pengendali-pengendali jeti ini telah lama membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan yang murah dan efisien kepada beberapa syarikat yang besar seperti Tasek Cement, Perak Hanjoong dan APMC. Mereka telah membina satu hubungan komersil yang begitu rapat dengan pelanggan-pelanggan mereka sejak lama dahulu. Jadi, dengan memaksa mereka keluar ini merupakan sesuatu yang tidak begitu adil. Suatu penyelesaian yang

lebih adil ialah dengan membenarkan pengendali-pengendali jeti ini terus beroperasi di samping Lumut Maritime Terminal (LMT). Ini akan mewujudkan satu suasana persaingan yang seterusnya akan mempertingkatkan kecekapan.

Jika daripada persaingan ini ada di antara firma-firma umpamanya firma-firma kecil yang terpaksa ditutup ekoran daripada ketidak-bolehan mereka untuk bertanding lantaran daripada kos yang tinggi dan perkhidmatan yang tidak cekap, ini tidak apa; sebab ini adalah merupakan apa yang kita sebutkan "fair market gap".

Jadi, dalam kata lain, Tuan Yang di-Pertua, apa yang diminta oleh pengendali-pengendali jeti di Lumut ialah cuma mahukan persaingan yang terbuka, di mana kalau ditutupkan ini adalah akibat wujudnya pengendalian daya pasaran bebas dan bukan kerana keputusan birokratik yang dibuat oleh pihak pemerintah. Lagipun, tindakan yang diambil oleh pihak berkenaan sedemikianadalahtidaksesuaiuntuk menggalakkan private enterprise ataupun perniagaan persendirian, dan ini suatu isyarat yang salah dikeluarkan kerana tidak adanya kepastian bahawa perusahaan-perusahaan yang telah dibina dan dimajukan dengan ketekunan sejak beberapa tahun akan boleh terus beroperasi.

Di pihak yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua, memang lebih ekonomikal dan cekap jika hanya satu pengendali pelabuhan sahaja wujud di Lumut, mungkin kerana LMT ini adalah satu monopoli asli (natural monopoly), maka saya berharap Kerajaan akan mempertimbangkan secara serius menjemput pengendali-pengendali jeti yang sedia ada untuk menyertai sama

dalam pemilikan saham syarikat tunggal yang akan ditubuhkan nanti untuk mengendalikan LMT ini. Ini adalah sebagai pengiktirafan kepada mereka yang begitu lama melibatkan diri dalam perkhidmatan pelabuhan di Perak. Ini bermakna akan membenarkan mereka terus menyertai dalam pengendalian-pengendalian pelabuhan di mana mereka telah melaburkan berjuta-juta ringgit dan supaya memastikan bahawa inisiatif mereka ini tidak dimatikan oleh tindakan birokratik.

Jadi, saya berharap Kementerian Pengangkutan dan EPU di peringkat Persekutuan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa pengendali-pengendali jeti sedia ada di Lumut akan terus boleh beroperasi walaupun projek LMT disempurnakan nanti. Ini adalah memastikan interaksi antara persaingan dan hak milik swasta yang telah dianggap sebagai sesuatu yang begitu penting untuk mempertingkatkan kecekapan. Sebaliknya kalau LMT ini adalah suatu monopoli yang asli, maka semua pengendali-pengendali jeti harus dijempit untuk menyertai ekuiti syarikat monopoli nanti. Sebagai suatu langkah selanjutnya Kementerian Pengangkutan ataupun pihak-pihak lain yang bertanggungjawab harus terus mengawasi perletakan harga untuk perkhidmatan monopoli ini jika sekiranya pengwujudan monopoli ini tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan kebajikan kakitangan kita di Kementerian Luar Negeri yang sedang berkhidmat di misi-misi diplomatik di luar negeri. Sejak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed menjadi Perdana Menteri negara kita, beliau

telah mengamalkan suatu dasar asing yang begitu progresif dan bebas. Hasilnya, ramai di antara pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga yang telah mencontohi Malaysia terutama kepimpinannya yang berjaya menangani begitu banyak isu yang dihadapi oleh dunia hari ini. Dalam hal ini kakitangan-kakitangan diplomatik kita di seberang laut juga tidak kurangnya telah memainkan peranan yang begitu produktif. Kerja mereka ini susah, oleh kerana mereka kena kerja untuk jam yang lama dalam sesuatu hari, terpaksa menghadapi kesusahan, khasnya kalau ditempatkan di negara-negara yang miskin dan mereka terpaksa tinggal di luar untuk suatu masa yang lama.

Suatu isu pentmg kepada mereka ini ialah pendidikan anak-anak mereka. Ramai di antara mereka disebabkan oleh keadaan terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah antarabangsa di tempat-tempat di mana mereka sedang berkhidmat di seberang laut. Buat masa ini, pendidikan di peringkat rendah, anak-anak mereka ini dibiayai 100% oleh Kerajaan. Tetapi pada peringkat menengah dan universiti, bayaran hanya dibiayai setakat 2/3 sahaja. Pada 2/3 pun, ramai di antara mereka ini tidak mampu, memandangkan kepada hakikat bahawa bayaran yang dikenakan oleh 'International Schools' ini begitu tinggi. Saya difahamkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD) bukan sahaja tidak meningkatkan atau sekurang-kurangnya mengekalkan paras pembiayaan sekarang malah Jabatan Perkhidmatan Awam sebaliknya pula telah mengeluarkan satu arahan bahawa pembiayaan ini harus dikurangkan daripada 2/3 kepada separuh melalui tahun depan. Ini sudah tentu akan menambah kesusahan yang dihadapi oleh kakitangan diplomatik kita yang saya difahamkan ramai di

antara mereka merasa begitu kecewa dengan langkah yang diambil oleh PSD, dan ada di antara mereka yang mahu meletakkan jawatan. Ini adalah kerana ramai di antara mereka tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah antarabangsa dengan pengurangan pembiayaan ini. Jika berlaku demikian, maka mutu perkhidmatan luar negara kita akan terjejas. Ini seterusnya akan menjejaskan usaha negara kita untuk membentuk 'world opinion' dan mempengaruhi tindakan se dunia yang bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat dunia yang lebih adil, stabil dan saksama.

Saya difahamkan bahawa sebab mengapa PSD mengambil langkah ini ialah supaya menggalakkan pegawai-pegawai diplomatik kita menghantar anak-anak mereka balik ke negara ini, khususnya untuk pendidikan menengah. Ini akan memastikan bahawa anak-anak mereka tidak kehilangan ciri-ciri kebudayaan dan yang pentingnya dapat bertutur secara berkesan dalam Bahasa Malaysia. Tetapi di sini pun, ada juga masalah. Pertama, janji yang telah dibuat beberapa tahun dahulu bahawa anak-anak kakitangan diplomatik akan dijamin tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh, kini sudah tidak berkuatkuasa lagi. Sebaliknya, anak-anak kakitangan diplomatik perlu menduduki satu peperiksaan untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh ini yang ramai di antara mereka ini mendapati ianya begitu susah lantaran daripada penguatkuasaan bahasa yang buruk. Mereka tidak boleh disalahkan kerana tidak dapat menguasai bahasa sebab mereka ini belajar di sekolah-sekolah seberang laut untuk suatu masa yang begitu lama. Justeru itu, kerana kemasukan ke dalam sekolah-sekolah berasrama

penuh tidak dijamin lagi untuk anak-anak kakitangan diplomatik, maka anak-anak mereka terpaksa belajar di sekolah-sekolah biasa dan kemudian kena tinggal dengan saudaramara mereka, yang akhirnya akan menimbulkan masalah.

Yang kedua, jika anak-anak kakitangan diplomatik mendapat tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh pun, mereka terpaksa pula dipisahkan daripada ibu-bapa pada suatu umur yang dianggap kecil. Ini boleh menimbulkan masalah-masalah psikologi. Di bawah keadaan-keadaan sedemikian dan memandangkan perlunya kakitangan diplomatik kita digalakkan terus berkhidmat di dalam Perkhidmatan Diplomatik ini, maka saya ingin merayu kepada PSD, Kementerian Kewangan dan Wisma Putra untuk mengkaji masalah ini dan mengambil apa jua langkah yang penting untuk menyelesaikannya demi faedah kakitangan diplomatik di seberang laut. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menjejaskan moral atau semangat kakitangan diplomatik kita dan seterusnya akan menjejaskan prestasi mereka di misi-misi kita di seberang laut. Saya rasa ini adalah satu perkara penting yang harus diselesaikan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan kita telah mengumumkan kehendaknya untuk menjadikan negara ini sebagai pusat pendidikan yang cemerlang. Saya rasa ini adalah merupakan suatu inisiatif yang berani yang akan disambut baik oleh semua rakyat Malaysia yang rasional. Apabila dilancarkan langkah ini kelak menawarkan pendidikan tinggi yang bermutu tinggi, bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi juga kepada pelajar-pelajar yang datang dari negara-negara tertangga di rantau ini. Tetapi

pendapat atau rancangan yang berani ini hanya boleh berjaya sekiranya terdapat kelonggaran menangani kemasukan dalam negara ini untuk pelajar-pelajar dari seberang laut dan khasnya untuk kakitangan akademik dari seberang laut.

Kita semua tahu bahawa negara kita kini menghadapi masalah kekurangan kakitangan akademik. Sungguhpun latihan boleh mengatasi kekurangan ini tetapi latihan mengambil masa. Buat sementara, kekurangan ini hanya dapat diatasi dengan membenarkan import kakitangan yang berpengalaman dan yang berkelayakan tinggi. Saya harap ini dapat dibenarkan dengan 'liberal'. Kalau tidak, institusi-institusi pendidikan tinggi sama ada di sektor awam mahu pun di sektor swasta akan terus menghadapi masalah kekurangan kakitangan akademik.

Memandangkan kepada hakikat bahawa pendidikan ini merupakan satu industri intensif otak atau fikiran (brain-intensive industry), dengan izin, kegagalan untuk mengatasi kekurangan ini akan meninggalkan kesan-kesan yang buruk terhadap kedua-dua penawaran dan perkhidmatan pendidikan dan juga taraf akademik.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, khasnya Jabatan Imigresen, untuk mempercepatkan proses memberikan permit kerja untuk kakitangan akademik luar dan juga visa pelajar kepada pelajar-pelajar yang datang dari seberang laut. Dan dalam hal ini, Jabatan itu perlulah mengambil satu sikap yang 'liberal' terhadap pemberian permit-permit dan visa-visa sedemikian. Saya rasa tidak ada makna bagi kita terus melaung-laungkan tentang menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang kalau

kita tidak mengambil tindakan ini kerana dengan tidak mengambil tindakan ini, institusi-institusi pendidikan, khasnya yang terdapat di sektor swasta akan terus menghadapi berbagai-bagai masalah untuk mendapatkan permit untuk kakitangan akademik dari luar yang begitu diperlukan buat masa ini.

Sebaliknya kalau Jabatan Imigresen memberikan permit-permit ini dengan cepat dan 'liberal', maka konsep negara ini untuk dijadikan sebagai pusat pendidikan yang cemerlang akan dapat direalisasikan. Apabila ini direalisasikan, negara ini akan mendapat keuntungan yang banyak. Kita bukan sahaja dapat menjimatkan malah kita dapat memperolehi perolehan tukaran asing dan ini seterusnya akan menyumbangkan kepada pembaikan akaun perkhidmatan semasa pengimbangan pembayaran negara kita. Negara kita akan juga menjadi sebuah negara yang lebih kaya dari segi kebudayaan dengan adanya pelajar-pelajar yang datang dari merata-rata dan berinteraksi secara kebudayaan dengan pelajar-pelajar tempatan, malah taraf akademik akan terus bertambah baik juga.

Pada pandangan saya, kalau adanya keazaman politik (political will), kita tentu boleh berjaya menjadikan negara ini sebagai suatu pusat regional untuk pendidikan tinggi. Dalam hal ini, kerjasama daripada berbagai-bagai institusi, khasnya Perkhidmatan Awam, amat penting sekali. Oleh kerana dalam dunia di mana wujudnya persaingan yang begitu kuat, gerak balas yang cepat kepada masalah-masalah adalah penting untuk mempertingkatkan imej Malaysia sebagai pusat pelaburan, termasuk pelaburan dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang berkait dengan menjadikan Malaysia

sebagai pusat pendidikan yang cemerlang ialah latihan untuk rakyat Malaysia supaya membenarkan mereka dilantik sebagai kakitangan akademik di universiti-universiti tempatan. Ini penting dan harus diteruskan. Kalau tidak, universiti-universiti tempatan akan menghadapi masalah kekurangan kakitangan, khususnya kakitangan yang berkelayakan tinggi. Walaupun Skim Latihan Kakitangan Akademik harus diteruskan, universiti-universiti tempatan mesti memastikan bahawa mereka yang dipilih untuk skim-skim ini mesti memiliki rekod akademik yang baik. Ini adalah penting, sebab mutu pendidikan adalah ditentukan oleh mutu kakitangan akademiknya. Kakitangan yang berkelayakan tinggi dan berpengalaman akan memastikan penyampaian pendidikan universiti yang bermutu tinggi dan seterusnya memastikan pengeluaran tenaga manusia yang berkelayakan tinggi untuk suatu masa yang lama.

Di sini, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan menasihatkan semua universiti tempatan mulai dari sekarang lebih tertumpu kepada merit atau kelayakan dalam pengambilan calon-calon untuk Skim Latihan Kakitangan Akademik di universiti-universiti tempatan.

Sampai sekarang komposisi etnik kakitangan universiti sudah lebih seimbang. Peluang-peluang pendidikan pada peringkat-peringkat yang lebih rendah juga telah pun lebih terbuka dan didemokratikkan sehingga kecemerlangan akademik sudah tidak dikenal pastikan dengan hanya satu kaum dan khasnya dengan mereka yang tinggal di puat-pusat bandar yang lebih kaya. Oleh yang demikian, pada hemat saya suatu sistem pertandingan yang lebih terbuka harus dilaksanakan sekarang berkait dengan pengambilan kakitangan ke dalam universiti-universiti kita, termasuk mereka yang

dipilih untuk pengajian tinggi di seberang laut. Hanya melalui sistem ini baru kita dapat memastikan bahawa yang terbaik akan dipilih dan taraf akademik yang tinggi dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, mempunyai suatu sistem pertandingan yang terbuka sahaja tidak memadai untuk memastikan kakitangan akademik yang bermutu tinggi, kalau kita tidak mengambil langkah untuk mempertingkatkan lagi gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan yang diberikan kepada kakitangan di universiti, khasnya untuk mereka yang baru sahaja memasuki universiti dan juga mereka yang lebih muda. Buat masa ini ramai di antara para siswazah berpendapat bahawa menyertai universiti adalah suatu opsyen yang langsung tidak menarik. Ini adalah kerana secara bandingan kakitangan universiti dibayar gaji yang kurang lumayan apabila dibandingkan dengan mereka yang menyertai sektor swasta. Maka tidak hairanlah kalau universiti-universiti mendapati begitu susah untuk menarik orang-orang muda yang berkelayakan tinggi dan yang mempunyai dorongan yang tinggi untuk memegang jawatan di institusi-institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana mereka yang muda ini cuma bergerak balas kepada isyarat pasaran.

Jadi, sebagai langkah yang penting, Tuan Yang di-Pertua, PSD harus mempertingkatkan gaji relatif yang dibayar kepada kakitangan universiti, khasnya mereka yang lebih junior dan seterusnya memberikan peluang untuk menaikkan pangkat kepada mereka. Saya sedar bahawa tidaklah mungkin lompang antara gaji kakitangan universiti dan apa yang terdapat di sektor swasta ditutup sama sekali, tetapi lompang ini tidak boleh kita perbesarkan lagi. Kerajaan sebagai pengguna sumber-sumber yang penting di dalam ekonomi Malaysia harus

bergerak balas dengan mempertingkatkan harga yang ia sanggup bayar kalau Kerajaan ingin mendapatkan sumber yang bermutu tinggi-

Adanya masalah-masalah yang lain juga, Tuan Yang di-Pertua, maka masalah-masalah ini harus dikaji dan suatu pendekatan yang rasional diambil-gunakan. Di sini saya ingin merayu kepada Kerajaan mempertimbangkan dengan serius penubuhan Suruhanjaya Universiti yang diberikan tugas untuk menguruskan kesemua universiti-universiti tempatan. Suruhanjaya iri harus terdiri daripada ahli-ahli akademik dan pendidik yang terkenal yang kesemua di antara mereka tahu-menahu dengan mendalam akan ciri-ciri khusus yang dihadapi oleh universiti-universiti. Saya yakin dengan adanya Suruhanjaya ini, kalau Suruhanjaya ini mempunyai struktur yang munasabah dan diberikan kuasa yang mencukupi akan dapat mengatasi masalah-masalah yang kini dihadapi oleh universiti-universiti tempatan secara cepat dan berkesan dan seterusnya menukarkan universiti-universiti tempatan kepada pusat pendidikan yang cemerlang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak kurang pentingnya, saya harap Kerajaan dari sekarang akan lebih bertimbang rasa, khususnya kepada mereka yang cacat dan berumur tua apabila ianya merancang dan mereka bentuk bangunan-bangunan dan program-program. Dalam usaha kita mempertingkatkan taraf hidup kita melalui mekanisme pasaran, saya rasa kita tidak harus melupakan semangat 'caring and sharing'. Di sini saya ada dua cadangan yang tidak sukar dilaksanakan, tetapi kalau dilaksanakan akan membantu kita mewujudkan sebuah masyarakat penyayang. Pertama, mengambil

seorang - mungkin seorang guru yang mengajar mereka yang pekak, menyampaikan berita kepada mereka yang pekak dalam masa Perdana di RTM 1, 2 dan TV3 dilatar belakang kepada dua pembaca utama. Ini dilakukan di Bangkok. Dengan cara yang demikian, mereka yang pendengarnya sudah rosak tidak merasa diasingkan daripada pembangunan masyarakat yang beritanya saya rasa mereka mempunyai hak untuk mendapatkannya.

Cadangan yang kedua ialah untuk 'trolley' bagi mengangkut 'hand luggage' ditempatkan di Terminal Satu, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Seringkali saya ada menjumpai ramai di antara pengembara, khususnya mereka yang tua dan terpaksa berjalan begitu jauh ke tempat berlepas. Mereka terpaksa membawa hand luggage yang berat dan ini menambahkan kesusahan mereka itu. Kalau adanya trolley, saya yakin ini akan mengurangkan beban mereka dan ini juga dilakukan di lapangan terbang di beberapa bandaraya besar di negara-negara lain.

Itu sabaja, Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Hajah Rahmah. Macam inilah, kita hanya tinggal seminit lagi; bercakap seminit, kemudian sambung besok. Silakan.

6.29 *ptg.*

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabararakatuh serta salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk bersama mengambil kesempatan di dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah

wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Usaha pembentukan sikap positif melalui amalan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam telah diberi penekanan sejak dari tahun-tahun 70-an dan berterusan hingga kini. Penerapan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam dikaitkan dengan usaha pembentukan sikap ke arah mewujudkan satu budaya kerja yang positif serta menepati etika-etika kerja, peraturan-peraturan dan juga disiplin di dalam pentadbiran awam. Matlamat pembentukan sikap dan amalan nilai-nilai murni ini adalah untuk meningkatkan prestasi dan kualiti hasil pengeluaran. Pembentukan sikap

positif dengan mengamalkan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam adalah sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahmah, jadi macam itulah, kita sambung besok ya.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Insya-Allah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.